



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 62  
No. 5

**28hb Februari 2019**

*TAMBAHAN No. 2  
PERUNDANGAN*

---

---

**K. P.U. 2.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR BORONG  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2019

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PASAR BORONG AWAM

3. Lesen pasar borong awam
4. Permohonan lesen pasar borong awam

---

Undang-undang kecil

5. Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang yang di bawah umur lapan belas tahun
6. Lesen pasar borong awam tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik
7. Lesen pasar borong awam hendaklah berkenaan dengan gerai tertentu
8. Penentuan jenis barang-barang untuk jualan
9. Pembatalan lesen
10. Pemegang lesen pasar borong awam hendaklah menyerahkan lesen semasa pembatalan
11. Penggantian lesen
12. Pemegang lesen pasar borong awam dikehendaki hadir di gerai dan pelantikan penama semasa ketiadaannya
13. Pengambilan seorang pembantu
14. Pembesar suara, *dsb.* Tidak boleh digunakan
15. Bekas barang-barang
16. Memuatkan atau memunggah barang
17. Kawalan kenderaan yang memasuki pasar borong awam
18. Halangan, penyitaan dan tahanan
19. Waktu perniagaan

### BAHAGIAN III

#### PASAR BORONG PERSENDIRIAN

20. Lesen pasar borong persendirian
21. Permohonan bagi lesen pasar borong persendirian
22. Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang yang di bawah umur lapan belas tahun
23. Lesen pasar borong persendirian tidak boleh diserahkan atau dipindah milik
24. Pembatalan lesen
25. Penggantian lesen
26. Fi tidak boleh dibayar balik

---

Undang-undang kecil

27. Notis pemberitahuan
28. Penyerahan lesen pasar borong persendirian
29. Meja, *dsb.* untuk mempamerkan barang-barang
30. Bilik sejuk di pasar borong persendirian
31. Pencahayaan dan pengalihan udara
32. Waktu perniagaan

#### BAHAGIAN IV

##### PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN BARANG-BARANG

33. Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang-barang

#### BAHAGIAN V

##### PELBAGAI

34. Lesen hendaklah dipamerkan
35. Penjualan barang-barang yang tidak menyihatkan, *dsb.* tidak dibenarkan
36. Kacau ganggu
37. Pemeriksaan kesihatan
38. Orang yang dilarang
39. Kebersihan
40. Kebersihan diri
41. Penyediaan tong sampah dan pelupusan sampah
42. Racun perosak dilarang
43. Tiada tanggungan atas pegawai
44. Mengkompaun kesalahan
45. Penalti

JADUAL

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR BORONG  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2019**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan sayuran” ertinya apa-apa pokok atau bahagian sesuatu pokok sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Makanan 1983 [*Akta 281*];

“barang-barang” ertinya daging, ikan, buah, sayur atau apa-apa barang lain tidak kurang daripada 3 kilogram bagi barang basah dan 3 unit ke atas bagi barang kering sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;

“borong” ertinya penjualan barang-barang kepada peruncit bagi maksud perdagangan;

“buah” termasuklah apa-apa hasil yang disediakan daripada buah;

“daging” ertinya daging atau hasil daging sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U(A) 437/1985*];

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“ikan” ertinya apa-apa hidupan haiwan atau tumbuhan akuatik sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U(A) 437/1985*];

---

“lesen pasar borong persendirian” ertinya suatu lesen pasar borong persendirian yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 21;

“lesen pasar borong awam” ertinya lesen pasar borong awam yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim;

“pasar borong awam” ertinya sesuatu pasar borong yang dimiliki, dipajak atau disenggarakan oleh Majlis;

“pasar borong persendirian” ertinya sesuatu pasar borong selain pasar borong awam;

“pembantu” ertinya seseorang yang diambil bekerja oleh seorang pemegang lesen pasar borong awam dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melesen di bawah undang-undang kecil 13;

“pegawai kesihatan” ertinya pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan seseorang Pegawai Kesihatan sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dan termasuklah seseorang Penolong Pegawai Kesihatan.

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Kesihatan Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertinya—

- (a) seseorang yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil 4 untuk menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di pasar borong awam; dan
- (b) seseorang yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil 21 untuk menubuhkan, mengendalikan atau menjalankan suatu pasar borong persendirian;

“penama” ertinya seseorang yang dinamakan oleh seorang pemegang lesen pasar borong awam di bawah undang-undang kecil 12 dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melesen untuk menguruskan perniagaan pemegang lesen pasar borong awam itu selama tempoh pemegang lesen pasar borong awam itu tidak ada di gerainya;

“pihak berkuasa berkenaan” ertinya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*];

“Setiausaha” ertinya setiausaha bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kedah Darul Aman; dan

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

## BAHAGIAN II

### PASAR BORONG AWAM

#### **Lesen pasar borong awam**

3. Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di sesuatu pasar borong awam tanpa suatu lesen pasar borong awam yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Permohonan lesen pasar borong awam**

4. (1) Sesuatu permohonan bagi lesen pasar borong awam hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua dalam apa-apa borang dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Majlis hendaklah menimbangkan permohonan lesen pasar borong awam di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Apabila Majlis meluluskan permohonan lesen pasar borong awam di bawah perenggan (2), suatu lesen hendaklah dikeluarkan—

(a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis;

(b) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(c) atas asas tahunan dan boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum tidak melebihi tiga tahun bagi satu lesen.

(4) Sesuatu lesen pasar borong awam yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, tiga puluh hari sebelum tamat tempoh lesen itu.

(5) Jika Majlis menolak permohonan di bawah perenggan (2), Majlis hendaklah memberi pemohon alasan bagi penolakan itu.

#### **Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang yang di bawah umur lapan belas tahun**

5. Tiada lesen pasar borong awam boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas tahun.

---

**Lesen pasar borong awam tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik**

6. Tiada lesen pasar borong awam boleh diserahkan atau dipindahkan hakmilik kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

**Lesen pasar borong awam hendaklah berkenaan dengan gerai tertentu**

7. (1) Sesuatu lesen pasar borong awam yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah berkenaan dengan sesuatu gerai tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Walau apapun perenggan (1), Pihak Berkuasa Melesen boleh, menurut budi bicaranya, atas suatu permohonan yang dibuat oleh seseorang pemegang lesen pasar borong awam, membenarkan pemindahan tapak mana-mana gerai di dalam kawasan pasar borong itu yang menjual barang yang serupa tertakluk kepada pembayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual.

**Penentuan jenis barang-barang untuk jualan**

8. Seseorang pemegang lesen pasar borong awam tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan di sesuatu pasar borong awam apa-apa barang kecuali—

(a) barang-barang yang dinyatakan dalam lesen itu; dan

(b) di gerai yang mengenainya dia telah diberikan suatu lesen oleh Pihak Berkuasa Melesen.

**Pembatalan lesen**

9. Pihak Berkuasa Melesen boleh tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana lesen jika pemegang lesen pasar borong awam gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen itu.

**Pemegang lesen pasar borong awam hendaklah menyerahkan lesen semasa pembatalan**

10. Pemegang lesen pasar borong awam hendaklah menyerahkan lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila ia dibatalkan.

**Penggantian lesen**

11. (1) Jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa mana-mana lesen pasar borong awam yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini telah hilang, cacat atau rosak, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan suatu lesen gantian apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Dalam hal sesuatu lesen yang cacat atau rosak, lesen gantian hanya boleh dikeluarkan setelah lesen yang telah rosak itu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen untuk dibatalkan.

---

**Pemegang lesen pasar borong awam dikehendaki hadir di gerai dan pelantikan penama semasa ketiadaannya**

12. (1) Seseorang pemegang lesen pasar borong awam hendaklah pada setiap masa hadir dan menguruskan perniagaan di gerainya.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), Pihak Berkuasa Melesen boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen pasar borong awam daripada kehendak perenggan (1) jika ia berpuas hati dengan sebab-sebab yang diberikan oleh pemegang lesen pasar borong awam itu dan Pihak Berkuasa Melesen boleh membenarkan—

(a) mana-mana orang yang diambil bekerja sebagai pembantu di bawah undang-undang kecil 13 untuk mengendalikan perniagaan itu bagi pihak pemegang lesen pasar borong awam itu selama tempoh ketiadaan pemegang lesen pasar borong awam itu; atau

(b) gerai itu hendaklah ditutup sementara.

(3) Seseorang pemegang lesen pasar borong awam hendaklah, jika dia tidak dapat menguruskan perniagaannya selama tempoh lebih tiga puluh hari, memohon secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen untuk menamakan seseorang untuk mengambil tempatnya selama tempoh ketiadaannya.

(4) Sesuatu permohonan di bawah perenggan (3) hendaklah—

(a) menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang dicadangkan hendak dinamakan itu; dan

(b) disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh—

(a) meluluskan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (4) selama apa-apa tempoh yang difikirkannya patut; atau

(b) menolak permohonan itu atau menghendaki pemohon supaya mengemukakan maklumat lanjut.

(6) Jika Pihak Berkuasa Melesen meluluskan permohonan di bawah subperenggan (5)(a), pemegang lesen pasar borong awam itu hendaklah mengemukakan lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen bagi maksud memasukkan butir-butir mengenai penama ke dalam lesen itu dan membayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(7) Seseorang penama hendaklah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil ini dan mempunyai tanggungan yang sama sebagaimana pemegang lesen pasar borong awam.

---

**Pengambilan seorang pembantu**

13. (1) Seseorang pemegang lesen pasar borong awam tidak boleh mengambil bekerja mana-mana pembantu tanpa mendapat kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Melesen terlebih dahulu.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada Majlis;
- (b) menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang dicadangkan untuk diambil bekerja; dan
- (c) disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport orang itu.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh meluluskan atau menolak permohonan yang dibuat di bawah perenggan (2).

(4) Jika Pihak Berkuasa Melesen meluluskan permohonan di bawah perenggan (2), pemegang lesen pasar borong awam hendaklah mengemukakan lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen bagi maksud memasukkan butir-butir mengenai pembantu itu ke dalam lesen itu.

(5) Seseorang pemegang lesen pasar borong awam hendaklah bertanggung ke atas perbuatan pembantunya dan disifatkan telah membenarkan perbuatan itu.

(6) Melainkan jika seseorang pemegang lesen pasar borong awam membuktikan bahawa perbuatan itu dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil usaha yang wajar bagi mengelakkan berlakunya perbuatan demikian.

**Pembesar suara, *dsb.* tidak boleh digunakan**

14. Seseorang pemegang lesen pasar borong awam tidak boleh menggunakan pembesar suara, pelaut suara, mikrofon atau apa-apa peralatan lain untuk menguatkan apa-apa bunyi dalam menjalankan perniagaannya.

**Bekas barang-barang**

15. (1) Dalam mengendalikan barang-barang, seseorang pemegang lesen pasar borong awam hendaklah menggunakan hanya bekas-bekas yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menyita, memusnahkan atau melupuskan apa-apa bekas yang digunakan oleh seseorang pemegang lesen pasar borong awam yang tidak diluluskan oleh Majlis.

(3) Pemunya apa-apa bekas yang telah disita, dimusnahkan atau dilupuskan oleh Pihak Berkuasa Melesen tidak berhak untuk membuat apa-apa tuntutan dan mana-mana barang yang disita, dimusnahkan atau dilupuskan adalah di atas risiko pemunya.

### **Memuatkan atau memunggah barang**

16. (1) Seseorang tidak boleh memuatkan atau memunggah apa-apa barang dan benda lain dalam sesuatu pasar borong awam selain mengikut masa dan di tempat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Seseorang tidak boleh meninggalkan kenderaannya bagi jangka masa yang lebih lama daripada yang diperlukan untuk memuatkan atau memunggah barang-barang di tempat yang disebut dalam perenggan (1).

### **Kawalan kenderaan yang memasuki pasar borong awam**

17. Tiada seorang pun boleh—

- (a) meletakkan kenderaan di mana-mana tempat selain daripada di tempat yang ditetapkan untuk meletakkan kenderaan dalam kawasan pasar borong awam; dan
- (b) menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan di pasar borong awam.

### **Halangan, penyitaan dan tahanan**

18. (1) Tiada perkakas atau bejana boleh disimpan atau diletak atau menyebabkan diletakkan dalam bahagian pemborongan apa-apa barang, bahan atau benda dalam pasar borong awam semasa dan selepas waktu perniagaan sehingga menyebabkan suatu halangan.

(2) Mana-mana orang tidak boleh meletakkan apa-apa barang atau benda di atas kaki lima, tempat awam atau di mana-mana bahagian pasar borong awam yang akan menyebabkan halangan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan boleh menyita dan menahan apa-apa barang, bahan atau benda mudah rosak yang sedemikian di suatu tempat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan selepas itu apa-apa barang, bahan atau benda atau benda yang sedemikian boleh, sehingga dituntut semula oleh pemegang lesen pasar borong awam di bawah perenggan (5) undang-undang kecil ini, berada di bawah penjagaan Majlis tetapi segala risiko adalah di bawah tanggungan pemegang lesen pasar borong awam.

(5) Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tuntutan terhadap mana-mana barang di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh menuntut barang-barang tersebut daripada Pihak Berkuasa Melesen dalam tempoh 24 jam bagi barangan mudah rosak dan tiga hari dari tarikh penyitaan bagi barang tidak mudah rosak, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis dan kepada pembayaran kompaun yang ditentukan oleh Majlis. Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kerosakan barang-barang yang disita yang berada di dalam simpanan Majlis.

(6) Dengan syarat bahawa jika tidak ada tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang sitaan di bawah perenggan (5) selepas tempoh tiga hari, Majlis boleh melupuskan barang-barang tersebut dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

(7) Walau apa pun peruntukan dalam perenggan (6), mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan tidak boleh menyita apa-apa barang mudah rosak kecuali dengan notis mengarahkan pemegang lesen pasar borong awam memindahkan barang-barang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis telah diserahkan kepada pemegang lesen pasar borong awam itu dan dia gagal berbuat demikian.

(8) Apa-apa barang mudah rosak yang disita selepas notis diserahkan di bawah perenggan (7), boleh dilupuskan mengikut mana-mana cara yang ditentukan oleh Majlis.

### **Waktu perniagaan**

19. Waktu perniagaan pasar borong awam adalah bermula dari jam 2.00 pagi hingga 10.00 pagi dan seseorang pemegang lesen pasar borong awam dilarang menjalankan perniagaan di luar waktu perniagaan itu.

## **BAHAGIAN III**

### **PASAR BORONG PERSENDIRIAN**

#### **Lesen pasar borong persendirian**

20. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengendalikan atau menjalankan suatu pasar borong persendirian di mana-mana tempat tanpa suatu lesen pasar borong persendirian yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada lesen boleh dikeluarkan bagi pasar borong persendirian yang terletak dalam lingkungan satu kilometer daripada pasar borong awam.

#### **Permohonan bagi lesen pasar borong persendirian**

21. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen pasar borong persendirian bagi penjualan barang-barang yang dinyatakan dalam permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua dalam apa-apa borang dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Majlis—

(a) hendaklah mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1); dan

(b) boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika Majlis meluluskan permohonan di bawah perenggan (2), suatu lesen pasar borong persendirian hendaklah dikeluarkan—

(a) dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;

(b) tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis;

(c) apabila dibayar fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(d) selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas (12) bulan dan boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual pada atau sebelum tarikh habis tempoh lesen itu.

#### **Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang yang di bawah umur lapan belas tahun**

22. Tiada lesen pasar borong persendirian boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas tahun.

#### **Lesen pasar borong persendirian tidak boleh diserahkan atau dipindah milik**

23. Tiada lesen pasar borong persendirian boleh diserahkan atau dipindahkan hakmilik kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Pembatalan lesen**

24. Pihak Berkuasa Melesen boleh tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana lesen jika pemegang lesen pasar borong persendirian gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen itu.

#### **Penggantian lesen**

25. (1) Jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa mana-mana lesen pasar borong persendirian yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini telah hilang, cacat atau rosak Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan suatu lesen gantian apabila dibayar fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Dalam hal sesuatu lesen yang cacat atau rosak, lesen gantian hanya boleh dikeluarkan setelah lesen yang telah rosak itu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen untuk dibatalkan.

#### **Fi tidak boleh dibayar balik**

26. Fi yang dibayar bagi sesuatu lesen pasar borong persendirian tidak boleh dikembalikan jika pemegang lesen berhenti mengendalikan pasar borong persendirian itu sebelum tamat tempohnya.

#### **Notis pemberitahuan**

27. Seseorang pemegang lesen pasar borong persendirian hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Melesen secara bertulis sebaik sahaja dia telah berhenti mengendalikan suatu pasar borong persendirian.

#### **Penyerahan lesen pasar borong persendirian**

28. Pemegang lesen pasar borong persendirian hendaklah menyerahkan lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila beliau telah berhenti mengendalikan perniagaan atau apabila lesen itu dibatalkan di bawah undang-undang kecil 24.

#### **Meja, dsb. untuk mempamerkan barang-barang**

29. Semua meja, kaunter, bangku panjang atau bekas peraga yang digunakan untuk mempamerkan barang-barang untuk jualan atau yang ditawarkan untuk jualan hendaklah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Bilik sejuk di pasar borong persendirian**

30. (1) Seseorang pemegang lesen pasar borong persendirian hendaklah mengadakan suatu bilik sejuk di pasar borong persendirian mengikut pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen pasar borong persendirian hendaklah pada setiap masa menyenggara bilik sejuk itu dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan efisien.

(3) Pemegang lesen pasar borong persendirian hendaklah memastikan bahawa barang-barang yang disimpan di dalam bilik sejuk—

(a) bersih, baik dan bebas daripada pencemaran;

(b) disusun dengan teratur di dalam petak yang sesuai; dan

(c) disimpan di bawah suhu yang disebut dalam undang-undang kecil 33.

**Pencahayaan dan pengalihan udara**

31. (1) Adalah menjadi tanggungjawab seseorang pemegang lesen pasar borong persendirian untuk memastikan bahawa terdapat pencahayaan, pengalihan udara dan bekalan air yang mencukupi di dalam pasar borong persendiriannya sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Seseorang pemegang lesen pasar borong persendirian hendaklah pada setiap masa memastikan pasar borong persendirian dialihudarkan dengan sepatutnya dan apa-apa pengalihan udara yang secara elektrik atau mekanik hendaklah dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan efisien.

**Waktu perniagaan**

32. Waktu perniagaan pasar borong persendirian akan ditetapkan dalam syarat-syarat permohonan lesen.

**BAHAGIAN IV****PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN BARANG-BARANG****Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang-barang**

33. Semua barang hendaklah dikendalikan dan disimpan dengan mematuhi Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu dan mengikut kehendak yang berikut:

- (a) semua barang sejuk beku hendaklah disimpan secara berterusan pada suhu di bawah takat beku 18°C dan tidak boleh dinyahsejuk beku sebelum dijual;
- (b) perkakas, bungkusan atau apa-apa benda lain yang digunakan bagi menyimpan barang-barang hendaklah bersih dan tahan warna;
- (c) kertas atau bahan yang tidak bersih dan tidak tahan warna tidak boleh digunakan untuk membungkus barang-barang;
- (d) daging atau ikan sejuk beku hendaklah dijual dalam keadaan sejuk beku pada suhu di bawah takat beku 18°C;
- (e) daging dan ikan segar hendaklah didedahkan untuk jualan pada suhu tidak melebihi daripada 2°C;
- (f) semua alat, bungkusan atau bekas yang digunakan untuk membungkus buah dan sayur tidak boleh dibuat daripada bahan yang akan mencemarkan atau menukar warna atau rasa buah atau sayur itu, atau menyebabkan buah atau sayur itu dalam keadaan yang memudaratkan kesihatan;

- 
- (g) daging atau ikan tidak boleh dipamerkan untuk jualan selama lebih daripada empat jam melainkan jika daging atau ikan itu ditempatkan di dalam suatu kotak sejuk pada suhu tidak lebih daripada 2°C;
  - (h) sayur atau buah hendaklah dibungkus sedemikian cara bagi memastikan bahawa terdapat pengalihan udara yang mencukupi di dalam bungkusan itu supaya wap tidak kelihatan di dalam bungkusan itu;
  - (i) sayur dan buah hendaklah segar dan tidak dinyahhidratkan, dan tidak boleh bertukar warna atau rosak;
  - (j) sayur dan buah tidak boleh dipamerkan atau didedahkan untuk jualan selama lebih daripada empat jam melainkan jika sayur atau buah itu diletakkan dalam suatu persekitaran yang terkawal sebagaimana yang dikehendaki bagi mengekalkan kesegarannya;
  - (k) semua bungkusan, alat atau bekas yang telah digunakan terdahulu hendaklah dibasuh sebelum bungkusan, alat atau perkakas itu digunakan semula untuk menghantar atau membungkus barang-barang untuk jualan; dan
  - (l) semua bejana, alat, bungkusan atau bekas yang digunakan bagi mengisi makanan basah atau makanan cepat rosak hendaklah mempunyai permukaan yang licin dan kalis air.

#### BAHAGIAN V

#### PELBAGAI

#### **Lesen hendaklah dipamerkan**

34. Semua lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah pada setiap masa dipamerkan di bahagian yang mudah dilihat di tempat perniagaan dan lesen itu hendaklah dikeluarkan untuk pemeriksaan dan apabila dikehendaki oleh Majlis atau pegawai yang diberi kuasa.

#### **Penjualan barang-barang yang tidak menyihatkan, *dsb.* tidak dibenarkan**

35. (1) Seseorang tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan di pasar borong awam dan pasar borong persendirian apa-apa barang yang tidak menyihatkan, busuk dan tidak sesuai dimakan oleh manusia.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan boleh memeriksa, meneliti atau menyita apa-apa barang yang tidak menyihatkan, busuk dan tidak sesuai dimakan oleh manusia dan boleh memusnahkan barang-barang tersebut.

#### **Kacau ganggu**

36. Tiada seorang pun boleh menyebabkan apa-apa kacau ganggu di mana-mana pasar borong awam dan pasar borong persendirian.

**Pemeriksaan kesihatan**

37. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya mana-mana pemegang lesen, penama atau pembantu menjalani pemeriksaan kesihatan.

(2) Pemeriksaan kesihatan sedemikian hendaklah dijalankan oleh seorang Pegawai Kesihatan yang dilantik atau diluluskan oleh Majlis.

(3) Jika mana-mana orang yang diperiksa sedemikian didapati oleh Pegawai Kesihatan itu menghidap penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang berbahaya atau pada pendapat Pegawai Kesihatan itu, berkemungkinan menjadi punca infeksi, Majlis hendaklah dengan serta-merta tidak membenarkan orang yang menghidap penyakit itu daripada mengendalikan barang-barang atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti pasar borong awam dan pasar borong persendirian sehingga suatu masa Pegawai Kesihatan itu mengesahkan bahawa orang itu telah sembuh atau tidak lagi berkemungkinan menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang yang—

- (a) enggan menjalani pemeriksaan perubatan apabila diarahkan berbuat demikian; atau
- (b) setelah menjalani pemeriksaan perubatan tidak dibenarkan di bawah perenggan (3) dan tidak mendapat pengesahan daripada Pegawai Kesihatan bahawa orang itu telah sembuh,

tidak boleh terus bekerja di mana-mana pasar borong awam dan pasar borong persendirian.

**Orang yang dilarang**

38. Seseorang yang—

- (a) menghidap penyakit yang boleh merebak;
- (b) merupakan pembawa apa-apa penyakit infeksi;
- (c) menghidap apa-apa penyakit yang menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau penyakit kulit yang lain;
- (d) mempunyai sebab untuk mempercayai atau mensyaki bahawa dia berkemungkinan menyebarkan organisme pembiak penyakit; atau
- (e) ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang menghidap penyakit yang boleh merebak,

tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan atau mengendalikan apa-apa barang di pasar borong awam dan pasar borong persendirian.

---

**Kebersihan**

39. Seseorang pemegang lesen, penama atau pembantu—

(a) gerai di pasar borong awam; atau

(b) pasar borong persendirian,

hendaklah memastikan bahawa tempat perniagaannya dan perkakas lain yang berhubungan dengan perniagaannya dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa.

**Kebersihan diri**

40. Mana-mana orang yang melibatkan diri dalam penjualan barang-barang di pasar borong awam dan pasar borong persendirian hendaklah memastikan dirinya dalam keadaan bersih pada setiap masa.

**Penyediaan tong sampah dan pelupusan sampah**

41. Tiap-tiap pemegang lesen pasar borong awam dan pasar borong persendirian hendaklah menyediakan—

(a) tong atau bekas sampah yang mencukupi daripada apa-apa jenis dan saiz sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi pelupusan sampah dan tong atau bekas sampah itu hendaklah dilapik dengan beg plastik; dan

(b) takungan khas sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi melupuskan semua sampah pepejal yang busuk atau basah atau apa-apa bahan kosong yang lain dan hendaklah melupuskan atau memusnahkannya mengikut arahan pihak berkuasa yang berkenaan, pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan.

**Racun perosak dilarang**

42. (1) Seseorang tidak boleh menyediakan, membawa masuk atau menyemburkan apa-apa racun perosak di mana-mana bahagian pasar borong awam dan pasar borong persendirian atau bilik sejuk kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan boleh, pada bila-bila masa setelah memberikan notis bertulis kepada pemegang lesen pasar borong awam dan pasar borong persendirian, memasuki mana-mana pasar borong awam dan pasar borong persendirian untuk membuat apa-apa kerja bagi membinasakan atau membuang apa-apa makhluk perosak di pasar borong awam dan pasar borong persendirian.

(3) Bagi maksud menjalankan kerja yang dinyatakan dalam perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan boleh mengarahkan pemegang lesen pasar borong awam dan pasar borong persendirian untuk mengambil apa-apa langkah untuk mengelakkan barang-barang di pasar borong awam dan pasar borong persendirian daripada dicemari oleh racun perosak dan pemborong dan pemegang lesen pasar borong awam dan pasar borong persendirian hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan.

### **Tiada tanggungan atas pegawai**

43. Tiada apa-apa tanggungan boleh dikenakan ke atas Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Kesihatan kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa yang sah di bawah Undang-Undang Kecil ini dan pegawai itu tidak boleh dikenakan apa-apa jua tindakan, dakwaan, tanggungan atau tuntutan apa juga pun yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa tersebut yang sah.

### **Mengkompaun kesalahan**

44. (1) Mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dikompaun oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa.

(2) Jumlah wang yang boleh dikutip bagi mengkompaun kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh melebihi tiga ratus ringgit.

### **Penalti**

45. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### JADUAL

#### FI

#### UNDANG-UNDANG KECIL PASAR BORONG (undang-undang kecil 4, 7, 11, 12 dan 21)

1. Lesen pasar borong awam	... ..	Tidak melebihi RM50.00 setiap satu meter persegi setahun
2. Pemindahan gerai	... ..	Tidak melebihi RM1000.00
3. Lesen gantian	... ..	Tidak melebihi RM300.00 setiap lesen


- |   |        |   |
|---|--------|---|
| 4. Memasukkan butir-butir penama ke dalam lesen | ... .. | Tidak melebihi RM500.00 setiap permohonan                 |
| 5. Lesen pasar borong persendirian              | ... .. | Tidak melebihi RM100.00 setiap satu meter persegi setahun |

Diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kedah seperti berikut:



.....  
Dato' Haji Mohd Zohdi bin Saad  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Alor Setar

Bertarikh: 10-9-2017



.....  
Norizan bin Khazali  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sungai Petani

Bertarikh: 29-10-2017



.....  
Haji Rohaizad bin Rashid  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kulim

Bertarikh: 29-10-2017




.....  
Haji Abdul Bari bin Abdullah  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Langkawi

Bertarikh: 26-9-2018



.....  
Mohd Fisol bin Md Noh  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kubang Pasu

Bertarikh: 27-9-2017




.....  
Datuk Haji Md Shuhaimie bin  
Abdul Rahman  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Baling

Bertarikh: 27-9-2017



.....  
Haji Mohd Yusri bin Hj. Md Daud  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Yan

Bertarikh: 31-10-2017



.....  
Zaid bin Ahmad  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pendang

Bertarikh: 26-10-2017



.....  
Dato' Nawadzir binti Hj Abdul Ghani  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Sik

Bertarikh: 1-10-2017



.....  
Datuk Haji Fathullah Suhaimi bin  
Haji Ismail  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Padang Terap

Bertarikh: 26-9-2017



.....  
Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Bandar Baharu

Bertarikh: 1-10-2017



.....  
Syed Khairol Anuar bin  
Syed Abidin  
Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan  
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

Bertarikh: 30-10-2017

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 16 Januari 2019.  
[PSU(K) 98-1396 Jld. 23 SK. 11]

HAJI IQBAL BIN AHMAD  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Kedah Darul Aman*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

WHOLESALE MARKETS  
(LOCAL AUTHORITY OF THE STATE OF KEDAH) BY-LAWS 2019

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

PUBLIC WHOLESALE MARKET

3. Public wholesale market's licence
4. Application for a public wholesale market's licence
5. Licence not to be issued to person below eighteen years
6. Public wholesale market's licence not to be assigned or transferred
7. Public wholesale market's licence to be in respect of specific stall
8. Specification of the type of goods for sale
9. Revocation of licence
10. Public wholesale market's licensee to surrender licence upon revocation
11. Replacement of licence
12. Public wholesale market's licensee is required to be present at stall and appointment of nominee during his absence
13. Employment of an assistant
14. Loudspeaker, *etc.* not to be used

By-law

15. Receptacles for goods
16. Loading or unloading of goods
17. Control of vehicles which enter the public wholesale market
18. Obstruction, seizure and detention
19. Business hours

### PART III

#### PRIVATE WHOLESALE MARKET

20. Private wholesale market's licence
21. Application for private wholesale market's licence
22. Licence not to be issued to person below eighteen years
23. Private wholesale market's licence not to be assigned or transferred
24. Revocation of licence
25. Replacement of licence
26. Fee not refundable
27. Notice of information
28. Surrender of private wholesale market's licence
29. Tables, etc. for display of goods
30. Cold room within a private wholesale market
31. Lighting and ventilation
32. Business hours

### PART IV

#### HANDLING AND STORAGE OF GOODS

33. Requirements for handling and storage of goods

---

PART V

MISCELLANEOUS

By-law

34. Licence to be exhibited
35. Sale of unwholesome, *etc.* goods not permitted
36. Nuisance
37. Medical examination
38. Persons prohibited
39. Cleanliness
40. Personal hygiene
41. Provision of refuse bin and display of refuse
42. Pesticide prohibited
43. Non-liability of officer
44. Compounding offences
45. Penalty

SCHEDULE

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

WHOLESALE MARKETS  
(LOCAL AUTHORITY OF THE STATE OF KEDAH) BY-LAWS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*] the Local Authority of the State of Kedah Darul Aman hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State of Kedah hereby confirms, the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

**Citation, commencement and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Wholesale Markets (Local Authority of the State of Kedah) By-Laws 2019**.

(2) These By-Laws shall come into force on its publication in the *Gazette*.

(3) These By-Laws shall apply to all Local Authorities of the State of Kedah Darul Aman.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“vegetable substance” means any plant or part of a plant as specified in the Food Act 1983 [*Act 281*];

“goods” means meat, fish, fruit, vegetables or any other things not less than 3 kilogram for wet goods and 3 units and above for dry goods as prescribed by the Council;

“wholesale” means sale of goods to retailers for the purpose of trade;

“fruit” includes any products prepared from fruit;

“meat” means meat or meat product as specified in the Food Regulations 1985 [*P.U(A) 437/1985*];

“Mayor” means the Mayor of the City Council of Alor Setar and includes the Deputy Mayor;

“fish” means any aquatic animal or aquatic plant as specified in the Food Regulations 1985 [*P.U(A) 437/1985*];

“private wholesale market’s licence” means a private wholesale market’s licence issued under by-law 21;

---

“public wholesale market’s licence” means a public wholesale market’s licence issued under by-law 4;

“Council” means City Council, Municipal Council, District Council and Kulim Hi-Tech Industrial Park Local Authority;

“public wholesale market” means a wholesale market owned, leased or maintained by the Council;

“private wholesale market” means a wholesale market other than a public market;

“assistant” means a person employed by a public wholesale market’s licensee with the approval of the Licensing Authority under by-law 13;

“Health Officer” means the officer for the time being performing the duties of a Health Officer to a local authority and includes an Assistant Health Officer.

“authorized officer” means any officer of the Council authorized in writing by a Mayor or the President;

“Licensing Authority” means the Mayor or the President or the Secretary or the Health Officer of the Council or any other officer authorized in writing by the Mayor or the President;

“licensee” means—

- (a) a person licenced under by-law 4 to sell or offer for sale any goods in a public wholesale market; and
- (b) a person licensed under by-law 21 to establish, operate or conduct a private wholesale market;

“nominee” means a person nominated by a public wholesale market’s licensee under by-law 12 with the approval of the Licensing Authority to attend to the public wholesale market’s licensee business during his absence;

“relevant authority” means Solid Waste And Public Cleansing Management Corporation incorporated under the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 [*Act 672*];

“Secretary” means the Secretary of every Local Authority in the State of Kedah Darul Aman; and

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President and includes the Deputy President;

## PART II

## PUBLIC WHOLESALE MARKET

**Public wholesale market's licence**

3. No person shall sell or offer for sale any goods in a public wholesale market without a public wholesale market's licence issued by the Licensing Authority under these By-Laws.

**Application for a public wholesale market's licence**

4. (1) An application for a public wholesale market's licence shall be made in writing to the Mayor or the President in such form and manner as the Council may determine.

(2) The Council shall consider the application for public wholesale market's licence made under paragraph (1) and may approve or reject the application.

(3) Upon approval of an application by the Council for a public wholesale market's licence under paragraph (2), a licence issued shall be—

- (a) in such form and subject to such conditions or restrictions as the Licensing Authority may specify;
- (b) on payment of the fee as specified in the Schedule; and
- (c) on a yearly basis and may extend to the maximum period of not exceeding three years per licence.

(4) A public wholesale market's licence issued under these By-Laws is renewable subject to payment of the fee as specified in the Schedule, thirty days before the expiry of the licence.

(5) If the Council refuses the application under paragraph (2), the Council shall give the applicant reasons for the refusal.

**Licence not to be issued to person below eighteen years**

5. No public wholesale market's licence shall be issued to any person below the age of eighteen years.

**Public wholesale market's licence not to be assigned or transferred**

6. No public wholesale market's licence shall be assigned or transferred to another person without the written approval from the Licensing Authority.

**Public wholesale market's licence to be in respect of specific stall**

7. (1) A public wholesale market's licence issued under by-law 4 shall be in respect of a specific stall as specified in the licence.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the Licensing Authority may, in his discretion, on an application made by a public wholesale market's licensee, permit transfer of the site of any stall within the area which sells similar goods subject to payment of the fee as specified in the Schedule.

#### **Specification of the type of goods for sale**

8. A public wholesale market's licensee shall not sell or offer for sale in a public wholesale market any goods except—

- (a) goods specified in the licence; and
- (b) in a stall in respect of which he has been granted a licence by the Licensing Authority.

#### **Revocation of licence**

9. The Licensing Authority may at its discretion without assigning any reason therefore, at any time, revoke any licence if the public wholesale market's licensee fails to comply with any provision of these By-Laws or any condition or restriction of the licence.

#### **Public wholesale market's licensee to surrender licence upon revocation**

10. The public wholesale market's licensee shall surrender his licence to the Licensing Authority when it is revoked.

#### **Replacement of licence**

11. (1) If the Licensing Authority is satisfied that any public wholesale market's licence issued under this Part is lost, defaced or damaged, the Licensing Authority may issue a replacement licence on payment of the fee as specified in the Schedule.

(2) In the case of a defaced or damaged licence, a replacement licence shall only be issued after the damaged licence is surrendered to the Licensing Authority for cancellation.

#### **Public wholesale market's licensee is required to be present at stall and appointment of nominee during his absence**

12. (1) A public wholesale market's licensee shall at all times be present and attend to his business at his stall.

(2) Subject to paragraph (3), the Licensing Authority may exempt any public wholesale market's licensee from the requirement of paragraph (1) if he is satisfied with the reasons given by the public wholesale market's licensee and the Licensing Authority may permit—

- (a) any person employed as an assistant under by-law 13 to operate the business on behalf of the public wholesale market's licensee during the period of his absent; or
- (b) the stall shall be temporarily closed.

(3) A public wholesale market's licensee shall, if he cannot attend to his business for a period exceeding thirty days, apply in writing to the Licensing Authority to nominate a person to be in his place during his absence.

(4) An application under paragraph (3) shall—

(a) state the name, recent address and the identity card number of the person intended to be nominated; and

(b) be accompanied by a recent passport size photograph of that person.

(5) The Licensing Authority may—

(a) approve the application made under paragraph (4) for any period as he thinks fit; or

(b) refuse the application or require the applicant to submit further information.

(6) If the Licensing Authority approves the application under subparagraph (5)(a), the public wholesale market's licensee shall submit his licence to the Licensing Authority for the purpose of inserting the particulars of the nominee in the licence and pay the fee as specified in the Schedule.

(7) A nominee shall be subject to these By-Laws and be liable in the same manner as the public wholesale market's licensee.

### **Employment of an assistant**

13. (1) A public wholesale market's licensee shall not employ any assistant without the prior written approval of the Licensing Authority.

(2) An application for an approval under paragraph (1) shall—

(a) be made in writing to the Council;

(b) state the name, recent address and identity card number of the person intended to be employed; and

(c) be accompanied by a recent passport size photograph of that person.

(3) The Licensing Authority may approve or refuse the application made under paragraph (2).

(4) If the Licensing Authority approves the application under paragraph (2), the public wholesale market's licensee shall submit his licence to the Licensing Authority for the purpose of inserting the particulars of the assistant in the licence.

(5) A public wholesale market's licensee shall be liable for the acts of his assistant and deemed to have permitted such acts.

(6) Unless if the public wholesale market's licensee proves that the acts has been committed without his knowledge or connivance or that he took all reasonable precaution or that he had exercised due diligence to prevent the commission of the acts.

#### **Loudspeaker, etc. not to be used**

14. A public wholesale market's licensee shall not use any loudspeaker, loud hailer, microphone or any other instruments for amplifying any sound in the course of his business.

#### **Receptacles for goods**

15. (1) In dealing with the goods, a public wholesale market's licensee shall only use the receptacles approved by the Council.

(2) The Licensing Authority may seize, destroy or disposed of any receptacle used by a public wholesale market's licensee which is not approved by the Council.

(3) The owner of any receptacle that has been seized, destroyed or disposed off by the Licensing Authority shall not be entitled to make any claim and any receptacles that has been seized, destroyed or disposed off shall be at the risk of the owner.

#### **Loading or unloading of goods**

16. (1) A person shall not load or unload any goods and other things in a public wholesale market otherwise than in accordance with the time and at the place as may be determined by the Licensing Authority.

(2) The person shall not leave his vehicle for a longer time than is necessary to load or unload goods at the place referred to in paragraph (1).

#### **Control of vehicles which enter the public wholesale market**

17. No person shall—

- (a) park the vehicle in any place other than in a place designated for the parking of vehicles within the public wholesale market; and
- (b) obstruct or interfere with the free flow of vehicular traffic in the public wholesale market.

#### **Obstruction, seizure and detention**

18. (1) No utensil or container shall be kept, place or cause to place any goods, article or thing in the section for public wholesale market during and after the business hours so as to cause an obstruction.

(2) No person shall deposit any goods or things at the footway, public place or in any part of the public wholesale market so as to cause an obstruction.

(3) Any person who contravenes these By-Laws commits an offence.

(4) An authorized officer or the Health Officer may seize and detain any such goods, articles or things at such place as may be determined by the Licensing Authority and thereafter such goods, articles or things may, until reclaimed by the public wholesale market's licensee under paragraph (5) of this by-law remain with the Council at the risk of the public wholesale market's licensee.

(5) Any person having any claim to any of the goods under these By-Laws may claim the same from the Licensing Authority within a period of 24 hours for perishable goods and three days from the date of seizure for unperishable goods, subject to such conditions as may be imposed by the Council and to the payment of a compound as may be determined by the Council. The Council shall not be responsible for any damage on seized goods which is in the custody of the Council.

(6) Provided that in the event of there being no claim made to any such seized goods as specified under paragraph (5) after three days, such goods may be disposed off in such manner as the Council may think fit.

(7) Notwithstanding the provisions of paragraph (6), any authorized officer or the Health Officer shall not seize any of the perishable goods unless a notice has been served directing the public wholesale market's licensee whose good are to be seized to remove them within the time period specified in the notice and the person fails to do so.

(8) Any perishable goods seized after the notice has been served under paragraph (7), may be disposed off in such manner as the Council may determine.

### **Business hours**

19. The business hours of the public wholesale market shall commence from 2.00 a.m until 10.00 a.m and a public wholesale market's licensee shall not carry on trade outside the business hours.

## **PART III**

### **PRIVATE WHOLESale MARKET**

#### **Private wholesale market's licence**

20. (1) No person shall establish, operate or conduct a private wholesale market in any place without a private wholesale market's licence issued by the Licensing Authority under these By-Laws.

(2) No licence shall be issued for a private wholesale market which is situated within the radius of one kilometre from a public wholesale market.

#### **Application for private wholesale market's licence**

21. (1) An application for a private wholesale market's licence for the sale of goods specified in the application shall be made in writing to the Mayor or the President in such form and manner as the Council may determine.

(2) The Council—

(a) shall consider the application made under paragraph (1); and

(b) may approve or refuse the application.

(3) If the Council approves the application under paragraph (2), a private wholesale market's licence issued shall be—

(a) in such form as the Council may determine;

(b) subject to such conditions or restrictions as the Council thinks fit;

(c) upon payment of the fee as specified in the Schedule; and

(d) for such period not exceeding twelve (12) months and may be renewed subject to the payment of fee as stated in the Schedule on or before the expiry date of the licence.

#### **Licence not to be issued to person below eighteen years**

22. No private wholesale market's licence shall be issued to any person below the age of eighteen years.

#### **Private wholesale market's licence not to be assigned or transferred**

23. No private wholesale market's licence shall be assigned or transferred to another person without the written approval from the Licensing Authority.

#### **Revocation of licence**

24. The Licensing Authority may at its discretion without assigning any reason therefore, at any time, revoke any licence if the private wholesale market's licensee fails to comply with any provision of these By-Laws or any condition or restriction of the licence.

#### **Replacement of licence**

25. (1) If the Licensing Authority is satisfied that any private wholesale market's licence issued under this Part is lost, defaced or damaged, the Licensing Authority may issue a replacement licence on payment of the fee as specified in the Schedule.

(2) In the case of a defaced or damaged licence, a replacement licence shall only be issued after the damaged licence is surrendered to the Licensing Authority for cancellation.

**Fee not refundable**

26. Fees paid for a private wholesale market's licence shall not be refundable if the licensee has ceased operating the private wholesale market before its expiry.

**Notice of information**

27. A private wholesale market's licensee shall notify the Licensing Authority in writing as soon as he has ceased operating a private wholesale market.

**Surrender of private wholesale market licence**

28. Every private wholesale market's licensee shall surrender his licence to the Licensing Authority when he ceased to operate the business or on revocation of the licence under by-law 24.

**Tables, etc. for display of goods**

29. All tables, counters, benches or show cases used for the display of goods for sale or offered for sale shall be determined by the Licensing Authority.

**Cold room within a private wholesale market**

30. (1) A private wholesale market's licensee shall provide in a private wholesale market a cold room in accordance with the plans and specifications approved by the Licensing Authority.

(2) A private wholesale market's licensee shall at all times maintain the cold room in good and efficient working condition.

(3) A private wholesale market's licensee shall ensure that goods stored in a cold room are—

- (a) clean, wholesome and free from contamination;
- (b) arranged properly in the appropriate compartments; and
- (c) stored under temperature mentioned in by-law 33.

**Lighting and ventilation**

31. (1) It shall be the responsibility of a private wholesale market's licensee to ensure that there is adequate lighting, ventilation and supply of water in his private wholesale market to the satisfaction of the Licensing Authority.

(2) A private wholesale market's licensee shall at all times ensure that a private wholesale market is properly ventilated and any electrical or mechanical means of ventilation be kept in goods and working condition.

### **Business hours**

32. The business hours of the private wholesale market shall be determined in the regulations of the application of licence.

## PART IV

### HANDLING AND STORAGE OF GOODS

#### **Requirements for handling and storage of goods**

33. All goods shall be handled and stored in compliance with the Food Act 1983 [Act 281] and the regulations made under that Act and in accordance with the following requirements:

- (a) all frozen goods shall be stored continuously at a temperature below minus 18°C and shall not be thawed before sale;
- (b) utensil, package or any other thing used for storing goods shall be cleaned and colour-fast;
- (c) paper or material which is unclean and is not colour-fast shall not be used for packing goods;
- (d) frozen meat and fish shall be sold in a frozen condition at a temperature below minus 18°C;
- (e) fresh meat and fish shall be exposed for sale at a temperature of not more than 2°C;
- (f) all appliances, packages or receptacles used for packing fruit and vegetable shall not be made of material which will contaminate or change the colour or taste of the fruit or vegetable, or render the fruit or vegetable in a condition injurious to health;
- (g) meat or fish shall not be exhibited for sale for more than four hours unless it is placed in a cold box at a temperature of not more than 2°C;
- (h) vegetable or fruit shall be packed in such manner to ensure that there is adequate ventilation in the packages so that condensation will not appear in the packages;
- (i) vegetable and fruit shall be fresh and not dehydrated, and shall not be discoloured or spoilt;

- 
- (j) vegetable or fruit shall not be exhibited or exposed for sale for more than four hours unless it is placed in a controlled environment as required to maintain its freshness;
  - (k) all packages, appliances or receptacles which have been previously used shall be washed before they are used again for delivery or packing of goods for sale; and
  - (l) all containers, appliances, packages or receptacles used for containing wet food or perishable food shall have a smooth and impervious surface.

#### PART V

##### MISCELLANEOUS

#### **Licence to be exhibited**

34. All licences issued under these By-Laws shall at all times be exhibited at a conspicuous part of the place of business and the licence to be produced for inspection and when required by the Council or the authorized officer.

#### **Sale of unwholesome, *etc.* goods not permitted**

35. (1) A person shall not sell or offer for sale in a public wholesale market and private wholesale market any goods which are unwholesome, unsound and otherwise unfit for human consumption.

(2) Any authorized officer or the Health Officer may inspect, examine or seize any goods which are unwholesome, unsound and otherwise unfit for human consumption and shall destroy such goods.

#### **Nuisance**

36. No person shall cause any nuisance in any public wholesale market and private wholesale market.

#### **Medical examination**

37. (1) The Licensing Authority shall at any time direct any licensee, nominee or assistant to undergo a medical examination.

(2) Such medical examination shall be carried out by a Health Officer who is appointed or approved by the Council.

(3) If any person so examined is found by a Health Officer to be suffering from a contagious or infectious disease or any disease of the skin which is offensive or is in the opinion of the Health Officer, likely to be a source of infection, the Council shall forthwith disallow the person suffering from

such disease from handling goods or engaging in any activity of the public wholesale market and private wholesale market until such time as it is certified by the Health Officer that he has been cured or is no longer likely to be a source of infection.

(4) Any person who—

- (a) refuses to submit to a medical examination on being directed to do so; or
- (b) having been medically examined is disqualified under paragraph (3) and not certified by the Health Officer that he has been cured,

shall not continue to work in any public wholesale market and private wholesale market.

### **Persons prohibited**

38. A person who—

- (a) is suffering from a communicable disease;
- (b) is a carrier of any infectious disease;
- (c) is suffering from any condition causing discharge of pus or serum from any part of the body or other skin ailment;
- (d) has reason to believe or suspect that he is likely to transmit disease producing organism; or
- (e) is in contact with any person suffering from communicable disease;

shall not sell or offer for sale or handle any goods in the public wholesale market and private wholesale market.

### **Cleanliness**

39. A licensee, nominee or assistant—

- (a) a stall in a public wholesale market; or
- (b) a private wholesale market,

shall ensure that his place of business and other appurtenances relating to his business in a clean condition and in good repair at all times.

### **Personal hygiene**

40. Any person who is engaged in the sale of goods in a public wholesale market and private wholesale market shall ensure himself in a state of cleanliness at all times.

**Provision of refuse bin and display of refuse**

41. Every public wholesale market's licensee and private wholesale market's licensee shall provide—

- (a) adequate refuse bins or receptacles of such type and size as the relevant authority may approve for the disposal of refuse and the refuse bins receptacles shall be lined with plastic bags; and
- (b) special containers as the relevant authority may approve for the disposal of all putrefiable or wet solid refuse or any other offensive matter and shall dispose of or destroy it in accordance with the direction of the relevant authority, an authorized officer or the Health Officer.

**Pesticide prohibited**

42. (1) A person shall not prepare, bring into or spray any pesticide in any part of a public wholesale market and private wholesale market or cold room except with the permission of the Licensing Authority, an authorized officer or the Health Officer.

(2) The Licensing Authority, an authorized officer or the Health Officer may, at any time after giving a notice in writing to the public wholesale market's licensee and private wholesale market's licensee, enter any public wholesale market and private wholesale market to do any work for disinfection or the destruction or removal of any pest in the public wholesale market and private wholesale market.

(3) For the purpose of carrying out the work specified in paragraph (2), Licensing Authority, an authorized officer or the Health Officer may direct the public wholesale market's licensee and the private wholesale market's licensee to take such measures, so as to prevent the goods in the public wholesale market and private wholesale market from contamination by pesticide and the public wholesale market's licensee and the private market's licensee shall comply with the direction given by the Licensing Authority, an authorized officer or the Health Officer.

**Non-liability of officer**

43. No liability shall be attached to the Licensing Authority, an authorized officer or the Health Officer for any loss or damages arising from the lawful exercise of any of the powers under these By-Laws and such officer shall not be subject to any action, prosecution, liability or claims whatsoever arising from the lawful exercise of such powers.

**Compounding offences**

44. (1) Any offence under these By-Laws may be compounded by the Mayor, the President or the authorized officer in writing.

(2) The sum of money which may be collected in compounding any offence under these By-Laws shall not exceed three hundred ringgit.

### Penalty

45. Any person who contravenes any of these By-Laws commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both.

### SCHEDULE

#### FEES

#### WHOLESALE MARKETS BY-LAWS (by-laws 4, 7, 11, 12 and 21)

1. Public wholesale market's licence	... ..	Not exceeding RM50.00 per square metre per year
2. Transfer of stall	... ..	Not exceeding RM1,000.00
3. Replacement licence	... ..	Not exceeding RM300.00 per licence
4. Insertion of particulars of nominee in licence	... ..	Not exceeding RM500.00 per application
5. Private wholesale market's licence	... ..	Not exceeding RM100.00 per square metre per year

Made by Local Authorities of the State of Kedah as follows:

  
.....  
Dato' Haji Mohd Zohdi bin Saad  
Mayor  
Alor Setar City Council

  
.....  
Norizan bin Khazali  
President  
Sungai Petani Municipal Council

Dated: 10-9-2017

Dated: 29-10-2017

  
.....  
Haji Rohaizad bin Rashid  
President  
Kulim Municipal Council

  
.....  
Haji Abdul Bari bin Abdullah  
President  
Langkawi Municipal Council

Dated: 29-10-2017

Dated: 26-9-2018



.....  
Mohd Fisol bin Md Noh  
President  
Kubang Pasu District Council

Dated: 27-9-2017



.....  
Datuk Haji Md Shuhaime bin  
Abdul Rahman  
President  
Baling District Council

Dated: 27-9-2017



.....  
Haji Mohd Yusri bin Hj. Md Daud  
President  
Yan District Council

Dated: 31-10-2017



.....  
Zaid bin Ahmad  
President  
Pendang District Council

Dated: 26-10-2017




.....  
Dato' Nawadzir binti Hj Abdul Ghani  
President  
Sik District Council

Dated: 1-10-2017



.....  
Datuk Haji Fathullah Suhaimi  
bin Haji Ismail  
President  
Padang Terap District Council

Dated: 26-9-2017



.....  
Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa  
President  
Bandar Baharu District Council

Dated: 1-10-2017



.....  
Syed Khairul Anuar bin  
Syed Abidin  
President  
Local Authorities of Kulim Hi-Tech

Dated: 30-10-2017

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 16 January 2019.  
[PSU(K) 98-1396 Jld. 23 SK. 11]

HAJI IQBAL BIN AHMAD  
Secretary  
State Executive Council  
Kedah

**K. P.U. 3.**

## AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN 1974

[Akta 133]

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang kecil berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2019**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Kedah Darul Aman.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [K.P.U.7/19 Jun 1986] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini dipinda dalam undang-undang kecil 2 dengan memasukkan tafsiran baru selepas tafsiran “PM” tafsiran yang berikut:

“PM PE” ertinya edisi Piawaian Malaysia yang bersamaan dengan Piawaian Eropah yang terakhir diterbitkan;”.

**Bahagian baru IA**

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 2 undang-undang kecil yang berikut:

**“2A. Pemakaian Bahagian ini**

Bahagian ini hendaklah terpakai kepada peruntuhan sesuatu bangunan sebelum pembinaan semula bangunan itu.

**2B. Penyediaan dan pengemukaan pelan peruntuhan, dsb.**

(1) Sebelum peruntuhan dimulakan, sesalinan pelan peruntuhan yang terperinci bersama dengan sesalinan laporan kestabilan yang disediakan mengikut PM 2318:2010 (S) hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan.

- (2) Pelan peruntuhan yang terperinci hendaklah mengandungi suatu perakuan orang yang mengemukakan sebagaimana dalam Borang A sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua Kepada Undang-Undang Kecil ini yang bermaksud bahawa butir-butir itu adalah mengikut PM 2318:2010(S) dan bahawa orang yang mengemukakan itu menerima tanggungjawab sepenuhnya.

**2C. Kuasa pihak berkuasa tempatan untuk menolak pelan peruntuhan dan laporan kestabilan**

Walau apa pun perenggan 2B(2), pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa dan dalam berbuat demikian boleh menolak apa-apa pelan peruntuhan atau laporan kestabilan yang tidak mengikut PM 2318:2010(S) dan jika menolak pelan atau laporan itu ia boleh menghendaki orang yang mengemukakan itu untuk mengemukakan semula suatu pelan peruntuhan atau laporan kestabilan yang baru berkenaan dengan bahagian yang ditolak itu.

**2D. Notis memulakan atau menyambung semula kerja bangunan**

- (1) Notis mengenai niat hendak memulakan semula peruntuhan atau menyambung semula peruntuhan sesuatu bangunan yang dikehendaki di bawah subseksyen 70(9) Akta hendaklah dibuat dalam Borang B sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah meliputi butir-butir kerja yang dicadangkan itu.
- (2) Jika kerja itu tidak dimulakan semula pada tarikh yang diberikan dalam notis itu, suatu notis selanjutnya dalam Borang B sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ini hendaklah diberi sebelum kerja itu boleh dimulakan semula.

**2E. Cara peruntuhan**

Kerja-kerja peruntuhan hendaklah mematuhi PM 2318:2010(S).

**2F. Tugas orang yang mengemukakan**

- (1) Orang yang mengemukakan yang memperakui pelan di bawah perenggan 2B(2) hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan wajar kerja-kerja peruntuhan itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga penyiapan kerja-kerja peruntuhan itu kecuali—

- 
- (a) dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan, orang yang mengemukakan yang lain dilantik untuk mengambil alih; atau
  - (b) pihak berkuasa tempatan bersetuju untuk menerima penarikbalikan atau penggantian orang yang mengemukakan itu atas permintaan pemunya dengan syarat kerja-kerja peruntuhan belum lagi dimulakan.
- (2) Jika mana-mana pihak berkuasa tempatan bersetuju untuk menerima penarikbalikan atau penggantian orang yang mengemukakan di bawah subperenggan (1)(b), kerja-kerja peruntuhan hendaklah tidak dimulakan sehingga orang yang mengemukakan yang lain dilantik untuk mengambil alih.
- (3) Jika mana-mana orang yang mengemukakan telah mengemukakan pelan peruntuhan telah meninggal dunia atau menjadi bankrap atau tidak dapat dikesan atau pendaftarannya telah dikeluarkan daripada daftar atau bagi apa-apa alasan lain berhenti daripada menjalankan amalannya, pemunya atau penghuni hendaklah dengan seberapa segera yang praktikal melantik orang yang mengemukakan yang lain untuk bertindak baginya dan untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi kepada pihak berkuasa tempatan tentang keadaan itu.

## **2G. Pengecualian daripada Bahagian ini**

Pihak berkuasa tempatan boleh jika ia sifatkan sesuai mengecualikan apa-apa kerja peruntuhan yang kecil daripada kehendak-kehendak Bahagian ini.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 3**

#### **4. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—**

- (a) dalam subperenggan (b), dengan memasukkan selepas koma bernoktah perkataan “dan”;
- (b) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah dan dengan memotong perkataan “dan”; dan
- (c) dengan memotong subperenggan 1(d).

**Pindaan undang-undang kecil 5**

5. Undang-undang kecil 5 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil 5 sebagai perenggan (1);
- (b) dalam perenggan (1), dengan menggantikan nokhtah dengan koma bernokhtah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(2) Pendirian sesuatu bangunan hendaklah dijalankan di bawah pengawasan sepenuh masa oleh seseorang pengawas tapak pembinaan yang diakreditasi dan diperakui oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [*Akta 520*].”.

**Pindaan undang-undang kecil 8**

6. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Satu set pelan-pelan itu hendaklah dikembalikan selepas kelulusan.”.

**Pindaan undang-undang kecil 9**

7. Undang-Undang Kecil 9 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa Kebangsaan—

- (a) dengan menggantikan perkataan “skel” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “skala”; dan
- (b) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “skel-skel” dengan perkataan “skala-skala”.

**Pindaan undang-undang kecil 10**

8. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam subperenggan (1)(a)(iv) dengan memasukkan selepas perkataan “dimensi” perkataan “dan keluasan”.

---

**Pindaan undang-undang kecil 16**

9. Undang-undang kecil 16 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (2) dengan memotong perkataan “hendaklah dibuat di atas linen dan tiap-tiap salinan”.

**Pindaan undang-undang kecil 34A**

10. Undang-undang kecil 34A Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perenggan (6).

**Pindaan undang-undang kecil 38**

11. Undang-undang kecil 38 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1) dengan menggantikan perkataan “2.25 meter” dengan perkataan “2.10 meter”.

**Undang-undang kecil baru 38A dan 38B**

12. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 38 undang-undang kecil yang berikut:

**“38A. Kecekapan tenaga di dalam bangunan**

(1) Bangunan baru atau diubah suai dengan ruangan hawa dingin melebihi 4,000 meter persegi hendaklah—

(a) direka agar dapat mencapai spesifikasi PM 1525 dari segi *Overall Thermal Transfer Value* (OTTV) dan *Roof Thermal Transfer Value* (RTTV); dan

(b) disediakan dengan Sistem Pengurusan Tenaga.

(2) Bumbung bagi semua bangunan (kediaman dan bukan kediaman) hendaklah mempunyai kadar peralihan arus udara panas (*thermal transmittance*) (U-Value) yang melebihi—

(a) 0.4 W/m<sup>2</sup>K bagi bumbung yang ringan (kurang daripada 50 kg/m<sup>2</sup>); dan

(b) 0.6 W/m<sup>2</sup>K bagi bumbung yang berat (lebih daripada 50 kg/m<sup>2</sup>), melainkan jika dilengkapi dengan elemen teduhan atau penyejukan.

**38B. Perlindungan struktur bangunan daripada kilat dan panahan petir**

- (1) Penilaian risiko dan penyediaan langkah-langkah melindungi struktur bangunan daripada kilat dan panahan petir hendaklah mengikut kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam PM *IEC* 62305.
- (2) Bagi maksud perenggan (1), “PM *IEC*” ertinya edisi Piawaian Malaysia yang bersamaan dengan Piawaian *International Electrotechnical Commission* yang terakhir diterbitkan.”.

**Penggantian undang-undang kecil 39**

13. Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 39 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“39. Cahaya dan pengudaraan semulajadi**

- (1) Tiap-tiap bilik yang direka bentuk, dipadan atau digunakan bagi maksud-maksud kediaman, perniagaan atau lain-lain kecuali hospital dan sekolah hendaklah dilengkapi dengan pencahayaan semulajadi dan pengudaraan semulajadi melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai jumlah keluasan tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lega lantai bilik itu dan yang mana tidak kurang daripada separuh 10% keluasan lantai itu hendaklah mempunyai ruang buka yang boleh membenarkan laluan udara secara bebas dan tidak terganggu.
- (2) Tiap-tiap bilik yang digunakan untuk menempatkan pesakit-pesakit di sesuatu hospital hendaklah dilengkapi dengan pencahayaan semula jadi dan pengudaraan semula jadi melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai jumlah keluasan tidak kurang daripada 15% daripada keluasan lega lantai bilik itu dan yang mana tidak kurang daripada dua pertiga daripada 15% keluasan lantai itu hendaklah mempunyai ruang buka yang boleh membenarkan laluan udara secara bebas dan tidak terganggu.
- (3) Tiap-tiap bilik yang digunakan bagi maksud menjalankan kelas-kelas dalam sesuatu sekolah hendaklah dilengkapi dengan pencahayaan semula jadi dan pengudaraan semula jadi melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai jumlah keluasan tidak kurang daripada 20% daripada keluasan lega lantai bilik itu dan yang mana tidak kurang daripada separuh 20% keluasan lantai itu hendaklah mempunyai ruang buka yang boleh membenarkan laluan udara secara bebas dan tidak terganggu.”.

---

**Penggantian undang-undang kecil 41**

14. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 41 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“41. Pengudaraan atau penyamanan udara secara mekanikal**

- (1) Jika pengudaraan atau penyamanan udara secara mekanikal yang kekal dicadangkan, undang-undang kecil bangunan yang relevan berhubungan dengan pengudaraan semulajadi, pencahayaan semulajadi dan tinggi bilik-bilik hendaklah tidak terpakai.
- (2) Sistem penyamanan udara yang kekal itu hendaklah dilengkapi dengan cara-cara pengudaraan lain bagi kepungan yang dinyamankan udaranya itu, supaya dalam masa setengah jam daripada kerosakan sistem penyamanan udara itu, udara bersih yang tidak kurang daripada banyak yang ditentukan sebagaimana dinyatakan kemudian daripada itu boleh dimasukkan ke dalam kepungan itu sepanjang tempoh sistem penyamanan udara itu tidak berjalan.”.

**Pindaan undang-undang kecil 54**

15. Undang-undang kecil 54 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) Dalam menentukan, bagi maksud-maksud Bahagian ini, beban-beban yang sesuatu bangunan akan dikenakan—

- (a) beban kekal hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1 sebagaimana diperuntukkan selepas ini;
- (b) beban guna hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1 atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini:

Dengan syarat bahawa, jika sesuatu beban guna sebenar melebihi atau mungkin melebihi beban yang dikira sedemikian, beban yang dikira sedemikian itu hendaklah digantikan dengan beban sebenarnya; dan

- (c) beban angin hendaklah dikira mengikut PM 1553.”;

- (b) dengan memotong perenggan (3).

**Penggantian undang-undang kecil 56**

16. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 56 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“56. Beban kekal dikira daripada berat bahan yang digunakan**

- (1) Beban kekal hendaklah dikira daripada unit berat yang diberi mengikut PM PE 1991-1-1 atau daripada berat sebenar yang diketahui mengenai bahan-bahan yang digunakan itu.
- (2) Nilai biasa mengenai bahan-bahan yang lazim digunakan adalah dinyatakan dalam PM PE 1991-1-1.”.

**Pindaan undang-undang kecil 57**

17. Undang-undang kecil 57 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perkataan “(102kgf/m<sup>2</sup>)”.

**Penggantian undang-undang kecil 59**

18. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 59 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“59. Beban guna lantai**

Semua beban guna lantai hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Pindaan undang-undang kecil 60**

19. Undang-Undang Kecil 60 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan perkataan selepas perkataan “lantai itu” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Penggantian undang-undang kecil 61**

20. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 61 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“61. Beban guna atas siling, tingkap magun dan struktur yang sama**

- (1) Penyangga siling (selain daripada siling palsu), tetulang tingkap magun, bingkai dan penutup (selain daripada tingkap kaca) bari-bari laluan dan struktur yang serupa hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.

(2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini siling palsu ertinya suatu siling yang dibina dengan mempunyai ruang di antaranya dan struktur di atasnya dan yang sekurang-kurangnya memuaskan satu daripada syarat-syarat berikut yang berhubungan dengan akses kepada ruang itu:

(a) ruang itu tidak boleh dilalui; atau

(b) siling itu boleh ditanggal untuk laluan; atau

(c) ruang itu dilengkapkan dengan titi samping yang disangga dengan bebas.”.

#### **Penggantian undang-undang kecil 62**

21. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 62 dengan undang-undang kecil yang berikut:

##### **“62. Pengurangan pada jumlah beban guna lantai**

Pengurangan pada jumlah beban guna lantai yang diberi dalam PM PE 1991-1-1 boleh digunakan bagi mereka bentuk tiang, tembok sambut, dinding, penyangga dan asas tapaknya.”.

#### **Penggantian undang-undang kecil 63**

22. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 63 dengan undang-undang kecil yang berikut:

##### **“63. Beban guna bumbung**

Bagi maksud undang-undang kecil ini, beban guna bumbung hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”.

#### **Penggantian undang-undang kecil 64**

23. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 64 dengan undang-undang kecil yang berikut:

##### **“64. Bumbung lengkung**

Beban guna di atas sesuatu bumbung lengkung hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Penggantian undang-undang kecil 65**

24. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 65 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“65. Penutup bumbung**

Bagi memperuntukkan beban-beban yang bersampingan dengan penyenggaraan, semua penutup bumbung, selain daripada kaca, hendaklah mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Penggantian undang-undang kecil 67**

25. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 67 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“67. Amaun beban ampaian**

Mana-mana titik panel rentasan bawah kekuda bumbung itu atau mana-mana titik bahagian struktur utama lain tersebut yang menyangga bumbung di atas garaj, lantai pengilangan atau storan hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Penggantian undang-undang kecil 68**

26. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dan (4) dengan perenggan-perenggan yang berikut:

“(3) Jika tiada data yang mencukupi untuk perkiraan tersebut, tambahan kepada beban-beban guna itu hendaklah mengikut PM PE 1991-1-1.

(4) Beban guna tertumpu termasuk efek hentaman dan getaran yang boleh timbul disebabkan jentera yang terpasang hendaklah dipertimbang dan diperuntukkan dalam reka bentuk itu. Dalam mana-mana hal tambahan pada beban guna tidak boleh kurang daripada 20% atau piawaian minimum yang dinyatakan dalam PM PE 1991-1-1 mengikut mana yang lebih tinggi.”.

**Penggantian undang-undang kecil 69**

27. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 69 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“69. Galang ganti kren**

Mengenai galang ganti kren, semua daya yang disebabkan oleh getaran gegaran daripada gelinciran ali-ali, tindakan kinetik percepatan dan perlambatan dan hentaman beban roda hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Penggantian undang-undang kecil 70**

28. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 70 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“70. Parapet dan pelepar**

Parapet dan pelepar dan panel yang lebih rendah bagi salutan atau dinding tirai hendaklah direka bentuk bagi beban-beban minimum mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Penggantian undang-undang kecil 71**

29. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 71 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“71. Pengkadang kenderaan bagi tempat letak kereta**

Semua pengkadang kenderaan termasuk parapet dan pelepar hendaklah direka bentuk mengambil kira daya impak kenderaan mengikut PM PE 1991-1-1.”.

**Pindaan undang-undang kecil 72**

30. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Dalam mereka bentuk lantai tingkat bawah tanah dan struktur bawah tanah yang serupa, tekanan air ke atas, jika ada, hendaklah dikira sebagai tekanan hidrostatik penuh yang dikenakan termasuk sebarang tekanan artesis ke atas keseluruhan kawasan itu.”.

**Penggantian undang-undang kecil 73**

31. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 73 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**73. Asas tapak**

“(1) Kerja tanah, kerja-kerja bangunan di bawah tanah dan kekuatan struktur bangunan perlu direka bentuk berasaskan kepada ujian tapak dan makmal bersandarkan penyiasatan tapak yang sempurna. Ujian perlu dilaksanakan dan diselia oleh seseorang Jurutera Profesional yang mempunyai pengalaman geoteknikal yang berkaitan.

(2) Asas tapak sesuatu bangunan hendaklah—

- (a) menahan dan memindahkan dengan selamat ke tanah gabungan beban kekal, beban guna dan beban angin secara yang tidak menyebabkan apa-apa pegenapan melebihi had-had yang direka bentuk baginya atau gerakan lain yang boleh mencacatkan kestabilan atau menyebabkan kerosakan kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian bangunan itu atau sesuatu bangunan atau kerja yang bersampingan;
- (b) diturunkan hingga ke sekian dalam, atau dibina sedemikian, supaya boleh melindungi bangunan itu daripada kerosakan oleh mendapan dan pergerakan tanah; dan
- (c) boleh merintang dengan secukupnya apa-apa serangan sulfat atau daripada apa-apa bahan perosak yang ada dalam tanah bawah itu.

(3) Kehendak-kehendak perenggan (2) hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi jika asas tapak itu dibina mengikut syor-syor relevan PM PE 1997.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 74**

32. Undang-undang kecil 74 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Penggantian undang-undang kecil 75**

33. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 75 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**75. Asas tapak konkrit tetulang**

“Asas konkrit bertetulang hendaklah direka bentuk dan dibina mengikut PM PE 1990, PM PE 1991 dan PM PE 1992.”.

---

**Pemotongan undang-undang kecil 76**

34. Undang-undang kecil 76 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Undang-undang kecil baru 76A**

35. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 76 undang-undang kecil baru yang berikut:

**“76A. Bangunan di cerun bukit**

Setiap bangunan yang hendak dibina di atas cerun bukit hendaklah mematuhi apa-apa kehendak perancangan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 77**

36. Undang-undang kecil 77 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Penggantian undang-undang kecil 78**

37. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 78 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“78. Asas tapak di bawah lantai dasar parit**

Di antara jarak tidak melebihi kedalaman bagi sesebuah salur keluar dianggarkan dari tepi salur tersebut, tiada bahagian bangunan yang akan dibina dengan paras aras substrukturnya lebih tinggi daripada 450 milimeter di bawah paras songsang salur keluar, kecuali keseluruhan bangunan berkenaan dipasang cerucuk selain cerucuk batang kayu.”.

**Penggantian undang-undang kecil 79**

38. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 79 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“79. Asas tapak di bawah dinding luar dan dinding dua pihak**

Jika sesuatu dinding luar dibina bersangga dengan dinding luar lain atau bersangga dengan dinding dua pihak lot bangunan berdekatan, penyambungan asas konkrit hendaklah tidak disambungkan melebihi garisan sempadan lot sendiri.”.

---

**Pindaan undang-undang kecil 80**

39. Undang-undang kecil 80 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) Kehendak-kehendak perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi jika rekabentuk dan pembinaan struktur atau sebahagian daripada struktur itu memenuhi Piawaian berikut:

PM PE 1990	Reka Bentuk Struktur Asas;
PM PE 1991	Tindakan ke atas Struktur;
PM PE 1992	Reka Bentuk Struktur Konkrit;
PM PE 1993	Reka Bentuk Struktur Keluli;
PM PE 1994	Reka Bentuk Keluli Gabungan dan Struktur Konkrit;
PM PE 1995	Reka Bentuk Struktur Balak;
PM PE 1996	Reka Bentuk Struktur Kerja Batu;
PM PE 1998	Reka Bentuk Struktur Untuk Rintangan Gempa Bumi; dan
PM PE 1999	Reka Bentuk Struktur Aluminium.”.

**Pindaan undang-undang kecil 81**

40. Undang-undang kecil 81 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1) Tiada sesuatu bangunan boleh didirikan atas mana-mana tapak yang telah dikambus dengan apa-apa bahan yang bercampur dengan jirim najis, binatang atau sayur-sayuran, sehingga seluruh permukaan tanah atau tapak bangunan itu telah dirawat dengan sempurna berdasarkan teknik geoteknikal mengikut PM 1754 dan PM 1756.”.

**Pindaan undang-undang kecil 83**

41. Undang-undang kecil 83 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1) Semua cerun di dalam dan di sekeliling bangunan hendaklah dilindungi secara bersesuaian daripada hakisan tanah dan kegagalan cerun hendaklah dipantau dan dipelihara secara teratur.”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 84**

42. Undang-undang kecil 84 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Tiap-tiap dinding sesuatu bangunan yang dibina di atas asas tapak hendaklah dilengkapkan dengan lapis kalis lembab yang hendaklah berada—”;

(b) dengan menggantikan subperenggan (3)(b) dengan subperenggan yang berikut:

“(b) di bawah paras sebelah bawah bahagian yang rendah sekali bagi tingkat bawah yang terletak atas dinding itu, atau jika tingkat bawah itu ialah lantai keras, tidak lebih tinggi daripada paras permukaan atas konkrit atau bahan keras lain yang serupa yang menjadi struktur lantai itu.”.

#### **Pemotongan undang-undang kecil 86**

43. Undang-undang kecil 86 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

#### **Pemotongan undang-undang kecil 87**

44. Undang-undang kecil 87 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

#### **Pindaan undang-undang kecil 88**

45. Undang-undang kecil 88 undang-undang ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau dinding dua pihak”; dan

(b) dalam subperenggan (a), dengan memotong perkataan “dan 200 milimeter tebalnya bagi suatu dinding dua pihak”.

#### **Pemotongan undang-undang kecil 89**

46. Undang-undang kecil 89 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 92**

47. Undang-undang kecil 92 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pindaan undang-undang kecil 93**

48. Undang-undang kecil 93 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam subperenggan (b)(ii) dengan menggantikan perkataan “tembok sambutannya” dengan perkataan “tiang”.

**Pemotongan undang-undang kecil 94**

49. Undang-undang kecil 94 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 97**

50. Undang-undang kecil 97 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pindaan undang-undang kecil 99**

51. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 99 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“99. Kemudahan memasak**

(1) Tiap-tiap bangunan kediaman dan tiap-tiap dalam bangunan tingkat sesuatu bangunan kediaman yang mungkin kediaman disewakan berasingan bagi maksud-maksud kediaman hendaklah dilengkapi dengan dapur.

(2) Di mana salur penyedut asap dapur menegak yang umum disediakan, salur udara itu hendaklah mencapai tingkat mekanikal ataupun bumbung untuk dilepaskan ke luar, dan hendaklah dibina dengan sempurna daripada bahan tahan api sekurang-kurangnya pada kadar 2 jam mengikut PB 476: Bahagian 3.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 100**

52. Undang-undang kecil 100 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 103**

53. Undang-undang kecil 103 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

---

**Pemotongan undang-undang kecil 104**

54. Undang-undang kecil 104 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pindaan undang-undang kecil 107**

55. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Tangga yang lebarnya lebih daripada 2200 milimeter hendaklah disediakan dengan susur tangan tengah bagi setiap 2200 milimeter daripada lebar yang dikehendaki itu dan mempunyai jarak yang hampir-hampir sama.”.

**Penggantian undang-undang kecil 109**

56. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 109 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“109. Anak tangga tirus**

Tangga pilih dan tangga keliling tidak boleh dibenarkan sebagai jalan keluar yang dikehendaki.”.

**Penggantian undang-undang kecil 111**

57. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 111 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**111. Pencahayaan dan pengudaraan tangga**

“Semua tangga hendaklah diterangi sehingga kadar terang purata tidak kurang daripada 100 lux dan diudarkan mengikut ketetapan sebagaimana yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil 198 hingga undang-undang kecil 200, Bahagian VII.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 114**

58. Undang-undang kecil 114 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Penggantian undang-undang kecil 117**

59. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 117 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“117. Akses kepada ruang**

Jika ruang di bawah sesuatu bumbung dikepongi oleh siling, akses kepada ruang itu hendaklah disediakan dengan cara pintu kolong sekurang-kurangnya 600 milimeter ke semua arah.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 118**

60. Undang-undang kecil 118 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 120**

61. Undang-undang kecil 120 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 121**

62. Undang-undang kecil 121 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 122**

63. Undang-undang kecil 122 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 123**

64. Undang-undang kecil 123 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pindaan undang-undang kecil 133**

65. Undang-undang kecil 133 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif “K.P.P.B.” dengan takrif yang berikut:

“K.P.B.P.” ertinya Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat, Malaysia atau Pihak Berkuasa Bomba yang berkenaan;”;

(b) dengan memotong takrif “J.P.B.”, “pemasangan gelung hos”, “pemasangan penggera kebakaran”, “pemasangan semburan”, “pili bomba”, “sistem pancur basah” dan “sistem pancur kering”;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “ketahanan api” takrif yang berikut:

“koridor terbuka” ertinya suatu koridor yang mempunyai dinding yang terbuka kepada atmosfera terutamanya untuk pelepasan asap yang mencukupi;”;

- 
- (d) dalam takrif “penahanan api” dengan memotong perkataan “:Bahagian 8: 1972;”;
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “petak” takrif yang berikut:
- “ “Pihak Berkuasa Bomba” ertinya pegawai yang mengetuai Jabatan Bomba dan Penyelamat yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis;”;
- (f) dalam takrif “pintu penahan asap” dengan menggantikan perkataan “seksyen 7 PB 476: Bahagian 8: 1972” dengan perkataan “PM 1073”;
- (g) dalam takrif “tak boleh terbakar”, dengan memotong perkataan “:Bahagian 4 (1970)”;
- (h) dalam takrif “tempoh ketahanan api”, dengan menggantikan perkataan “PB 476: Bahagian 1: 1953” dengan perkataan “PM 1073”; dan
- (i) dengan memasukkan selepas tafsiran “struktur pelindung” takrif yang berikut:
- “ “struktur terbuka” ertinya suatu struktur yang, pada setiap paras, mempunyai dinding yang terbuka kepada atmosfera;”.

### **Pindaan undang-undang kecil 136**

66. Undang-undang kecil 136 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam proviso dengan menggantikan perkataan “syor-syor relevan Kaedah-Kaedah J.P.B bagi Pemasangan semburan Automatik, edisi ke 29” dengan perkataan “PM 1910.”.

### **Penggantian undang-undang kecil 137**

67. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 137 dengan undang-undang kecil yang berikut:

#### **“137. Pemetakan mengikut ketinggian**

- (1) Dalam mana-mana bangunan yang tingginya tidak melebihi 30 meter, mana-mana lantai yang tingginya lebih daripada 9 meter di atas paras lantai bawah yang mengasingkan satu tingkat daripada satu tingkat lain, selain daripada lantai yang berada samada dalam lantai maisonet atau mezanin hendaklah dibina sebagai lantai petak.

- (2) Dalam mana-mana bangunan yang melebihi 30 meter tinggi, semua tingkat hendaklah dibina sebagai lantai-lantai petak, selain daripada suatu petak yang di antara maisonette kediaman yang boleh merangkumi dua paras tingkat.
- (3) Sesuatu atrium hendaklah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 252A.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 139**

68. Undang-undang kecil 139 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil sedia ada sebagai perenggan (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(2) Bagi hospital dan rumah rawatan daripada Kumpulan Maksud II (Institutional), makmal dan dapur hendaklah tidak mempunyai tempat tidur di atasnya dan hendaklah menjadi kompartmen berasingan daripada kawasan rawatan pesakit dalam, kawasan awam, tangga dan kawasan keluar lif.”.

### **Penggantian undang-undang kecil 140**

69. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 140 dengan undang-undang kecil yang berikut:

#### **“140. Akses perkakas bomba**

- (1) Laluan hendaklah disediakan dalam tapak sesuatu bangunan untuk membolehkan perkakas bomba untuk mendapatkan akses ke bangunan itu. Bukaannya hendaklah juga disediakan sepanjang dinding-dinding luaran yang berhadapan dengan laluan itu untuk menyediakan akses ke dalam bangunan itu bagi operasi menentang kebakaran dan menyelamatkan.
- (2) Kehendak-kehendak laluan hendaklah seperti berikut:
  - (a) laluan hendaklah mempunyai lebar berukuran minimum 6 meter di sepanjang laluan dan hendaklah membolehkan kemasukan dan pengendalian jentera bomba, peralatan menaikkan tangga tambahan, pelantar cakera putar dan hidraulik;

- 
- (b) laluan hendaklah dilapisi atau diturap atau dipasang dengan papan tebuk yang kukuh untuk menampung muatan beban perkasa bomba seberat 30 tan;
  - (c) laluan hendaklah dirancang supaya kedudukan akhir laluan tidak kurang daripada 2 meter atau tidak lebih daripada 10 meter dari bahagian tengah bukaan laluan, diukur secara mendatar;
  - (d) laluan hendaklah disediakan di atas kawasan yang rata atau jika di atas kawasan curam, kecerunan tidak boleh melebihi 1:15. Jalan masuk hendaklah disediakan pada kecerunan tidak melebihi 1 : 8: 3;
  - (e) jalan mati dan jalan masuk jentera bomba tidak boleh melebihi 46 meter panjang atau jika lebih daripada 46 meter, disediakan kemudahan membelok;
  - (f) kawasan luar untuk membelok dari laluan dan jalan masuk jentera bomba hendaklah mematuhi keperluan Pihak Berkuasa Bomba;
  - (g) kelegaatan atas bagi jalan masuk jentera bomba hendaklah sekurang-kurangnya 4.5 meter untuk memberikan laluan kepada peralatan memadam kebakaran;
  - (h) jalan awam boleh digunakan sebagai laluan dengan syarat bahawa lokasi jalan awam itu mematuhi keperluan jarak dari bukaan laluan sebagaimana Pihak Berkuasa Bomba boleh tetapkan; dan
  - (i) laluan dan jalan masuk jentera bomba hendaklah bebas daripada halangan dan bahagian bangunan yang lain, tumbuh-tumbuhan, pokok atau lekapan lain tidak boleh menghalang lorong antara laluan dengan bukaan laluan.
- (3) Semua selekoh laluan hendaklah ditanda seperti berikut:
- (a) penandaan selekoh hendaklah menggunakan warna yang kontras dengan permukaan atau kemasan kawasan;
  - (b) laluan yang disediakan di kawasan berumput hendaklah ditandakan dengan objek yang kontras (sebaik-baiknya warna yang memantul) supaya dapat dilihat pada waktu malam. Penandaan hendaklah pada jarak tidak lebih daripada 3 meter antara satu sama lain dan disediakan pada kedua-dua belah sisi laluan; dan

- (c) papan tanda yang memaparkan perkataan “Laluan Jentera Bomba - Kosongkan Laluan” hendaklah disediakan di laluan masuk. Saiz perkataan hendaklah tidak kurang daripada 50 milimeter.
- (4) Kadar bangunan yang bersempadanan dengan jalan, lebu atau kawasan terbuka hendaklah mengikut skala berikut:

Isipadu bangunan dalam meter padu	Kadar minimum perimeter bangunan
7000 hingga 28000	satu perenam
28000 hingga 56000	satu perempat
56000 hingga 84000	setengah
84000 hingga 112000	tiga suku
112000 dan ke atas	tapak pulau

#### **Pindaan undang-undang kecil 141**

68. Undang-undang kecil 141 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(4) Tiada apa-apa kayu seperti gelegar, rasuk, tutup tiang, beroti genting dan pelancar boleh bina ke dalam tebal sesuatu dinding dua pihak melainkan jika terdapat tidak kurang daripada 100 milimeter kerja batu-bata atau simen di antara kayu-kayu itu.”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 144**

69. Undang-Undang Kecil 144 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (2) dengan memotong perkataan “:Bahagian 6:1968”.

#### **Pemotongan undang-undang kecil 154**

70. Undang-undang kecil 154 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

#### **Pindaan undang-undang kecil 162**

71. Undang-undang kecil 162 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perenggan (5).

---

**Penggantian undang-undang kecil 163**

72. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 163 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“163. Pintu-pintu api**

Pintu-pintu api termasuk bingkai hendaklah dibina mengikut PM 1073.”.

**Pindaan undang-undang kecil 165**

73. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Dalam mana-mana bilik-bilik persendirian yang tertakluk kepada pendudukan tidak lebih daripada enam orang, jarak perjalanan hendaklah diukur daripada pintu bilik-bilik tersebut:

Dengan syarat bahawa keluasan bilik itu tidak melebihi 15 meter persegi atau apa-apa keluasan lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Bomba.”.

**Pindaan undang-undang kecil 167**

74. Undang-undang kecil 167 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1) dengan menggantikan perkataan “dalam apa-apa hal tidak lebih dekat daripada 4.5 meter” dengan perkataan “tidak boleh kurang daripada 5.0 meter”.

**Pindaan undang-undang kecil 168**

75. Undang-undang kecil 168 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3) dengan menggantikan perkataan “75 milimeter” dengan perkataan “80 milimeter”.

**Penggantian undang-undang kecil 169**

76. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 169 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“169. Jalan keluar**

- (1) Tiada sesuatu jalan keluar boleh dikurangkan lebarnya sepanjang laluan perjalanannya daripada pintu keluar tingkat ke pintu keluar terakhir.

- 
- (2) Bagi hospital dan rumah rawatan daripada Kumpulan Maksud II (Institusional)—
- (a) koridor dan pelantar hendaklah direka bentuk untuk memuatkan pergerakan usungan dan katil; dan
  - (b) reka bentuk hendaklah membuat peruntukan bagi evakuasi mendatar bagi katil pesakit untuk sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah katil pesakit dari tingkat berkenaan.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 172**

77. Undang-undang kecil 172 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(3) Reka bentuk dan pemasangan bagi tiap-tiap tanda tempat keluar kecemasan hendaklah mematuhi PM 983 dan PM 619.”.

### **Penggantian undang-undang kecil 189**

78. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 189 dengan undang-undang kecil yang berikut:

#### **189. Pengepungan jalan melepaskan diri dalam bangunan tertentu.**

(1) Tiap-tiap tangga yang disediakan di bawah Undang-Undang Kecil ini dalam sesuatu bangunan empat tingkat atau lebih, atau dalam sesuatu bangunan di mana paras tingkat yang tertinggi sekali adalah lebih daripada 12 meter di atas paras tanah, atau di sesuatu tempat perhimpunan, atau di sesuatu sekolah di mana tangga tersebut akan digunakan sebagai cara melepaskan diri yang lain hendaklah dikepung pada keseluruhan panjangnya dengan bahan tahan api.

(2) Dalam suatu bangunan daripada Kumpulan Maksud IV (Pejabat), reka bentuk koridor terbuka boleh mempunyai tangga tak terbuka jika dilengkapkan dengan pelantar tambahan tidak kurang daripada dua kali lebar tangga dan dinding yang mengasingkan tangga itu daripada pendudukan dibalikkan kepada satu jarak yang tidak kurang daripada 1 meter sepanjang bahagian hadapan pendudukan bersempadan.

---

**Penggantian undang-undang kecil 194**

79. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 194 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“194. Bangunan yang mempunyai tangga tunggal**

Suatu tangga tunggal boleh dibenarkan dalam premis-premis berikut:

- (a) apa-apa kediaman pada ketinggian 12 meter diukur dari akses paras perkakasan bomba ke lantai tertinggi dan ke bawah; dan
- (b) apa-apa kedai pejabat atau kediaman yang tidak melebihi dua (2) tingkat atau tingkat pertama tidak melebihi 6 meter dari paras tanah.”.

**Undang-undang kecil baru 197A dan 197B**

80. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 197 undang-undang kecil baru yang berikut:

**“197A. Cara akses dan menentang kebakaran dalam bangunan yang tingginya lebih daripada 18.0 meter**

- (1) Bangunan-bangunan yang mana tingkat paling atasnya adalah lebih daripada 18.0 meter di atas paras akses perkakas bomba hendaklah dilengkapi dengan cara mendapatkan akses dan menentang kebakaran daripada dalam bangunan itu yang terdiri daripada ruang akses menentang kebakaran, tangga menentang kebakaran, lif bomba dan sistem pancur kering atau basah.
- (2) Ruang akses menentang kebakaran hendaklah disediakan di tiap-tiap paras tingkat dan hendaklah ditempatkan supaya jarak perjalanan daripada tempat paling jauh sekali bagi tingkat itu tidak melebihi 45.0 meter.
- (3) Ruang akses menentang kebakaran boleh ditinggalkan jika tangga menentang kebakaran itu diisitekan untuk memenuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 200 dan semua pemasangan menentang kebakaran dalam kepungan tangga yang diisitekan itu tidak memasuki ke dalam ruang lega yang dikehendaki sebagai jalan keluar daripada bangunan itu.

- (4) Suatu tangga menentang kebakaran hendaklah disediakan untuk memberi akses terus kepada tiap-tiap ruang akses menentang kebakaran dan hendaklah boleh dilalui terus daripada luar bangunan itu pada paras akses perkakas bomba. Tangga ini boleh menjadi salah satu daripada tangga-tangga yang dikehendaki sebagai jalan keluar daripada bangunan itu.
- (5) Suatu lif bomba hendaklah disediakan bagi memberi akses kepada tiap-tiap ruang akses menentang kebakaran atau, jika ruang itu tidak ada, kepada tangga menentang kebakaran di tiap-tiap paras tingkat.
- (6) Lif bomba itu hendaklah mengeluarkan terus ke dalam ruang akses menentang kebakaran atau tangga menentang kebakaran atau hendaklah dihubungkan kepadanya oleh suatu koridor terlindung.
- (7) Dalam sesuatu bangunan di mana tingkat atas yang diduduki adalah lebih daripada 18.5 meter di atas paras akses perkakas bomba, lif bomba hendaklah disediakan.
- (8) Sesuatu penthouse yang menduduki tidak lebih daripada 50% keluasan lantai yang sebaik sahaja di bawahnya hendaklah dikecualikan daripada ukuran ini.
- (9) Lif bomba hendaklah ditempatkan dalam lubang terlindung berasingan jika ia membuka ke suatu ruang berasingan.
- (10) Lif bomba hendaklah disediakan pada kadar satu lif dalam tiap-tiap kumpulan lif yang keluar ke dalam kepungan terlindung yang sama atau ruang asap yang mengandungi sesalur pancur, dengan syarat bahawa lif bomba itu ditempatkan tidak lebih daripada 61 meter jarak perjalanan daripada titik lantai itu yang terjauh sekali.
- (11) Semua lif dari tingkat atas tanah tidak boleh dipanjangkan ke tingkat bawah tanah melainkan lantai bawah tanah tersebut mengandungi beban api rendah atau digunakan khusus sebagai tempat letak kereta. Dalam mana-mana situasi yang dibenarkan, lobi terlindung hendaklah disediakan antara bukaan lif dan kawasan yang diberi khidmat.

**197B. Ruang akses menentang kebakaran**

Ruang akses menentang kebakaran hendaklah mematuhi kehendak-kehendak berikut:

- (a) setiap ruang hendaklah mempunyai keluasan lantai tidak kurang daripada 6.0 meter persegi; dan
- (b) keluasan tingkap yang boleh dibuka atau keluasan pengudaraan kekal hendaklah tidak kurang daripada 25% daripada keluasan lantai ruang itu dan, jika pengudaraan adalah dengan cara tingkap boleh buka, pengudaraan kekal tambahan yang mempunyai ruang buka bebas seluas 464 sentimeter persegi hendaklah disediakan kecuali bahawa pengisitekanan mekanikal boleh diadakan sebagai alternatif.”.

**Pindaan undang-undang kecil 198**

81. Undang-undang kecil 198 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perenggan (3).

**Penggantian undang-undang kecil 199**

82. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 199 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“199. Pengudaraan kepungan tangga bagi bangunan yang tidak melebihi tiga tingkat atau 18 meter**

Bagi bangunan-bangunan yang tidak melebihi tiga tingkat atau 18 meter mana-mana yang lebih awal atas paras tanah, kepungan tangga boleh tidak diganti udaranya dengan syarat bahawa akses kepadanya pada semua paras kecuali tingkat atas sekali adalah melalui ruang yang diganti udaranya dan kepungan tangga itu adalah diganti udaranya secara kekal di bahagian atas dengan sekurang-kurangnya 5% daripada kawasan kepungan itu.”.

**Pindaan undang-undang kecil 200**

83. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) pengisitekanan kepungan tangga itu secara mekanikal yang direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1472.”.

**Penggantian undang-undang kecil 202**

84. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 202 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“202. Sistem isi tekanan bagi tangga**

Semua tangga yang digunakan bagi bangunan-bangunan yang tingginya lebih daripada 45 meter di mana tidak terdapat pengudaraan yang mencukupi sebagaimana dikehendaki hendaklah dilengkapi dengan suatu sistem pengisitekanan tangga yang direka bentuk dan dipasang mengikut MS 1472.”.

**Penggantian undang-undang kecil 204**

85. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 204 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“204. Pengelasan sekatan kemerebakan api di permukaan dinding dan siling**

Bagi maksud Bahagian ini dan Jadual Kelapan Undang-Undang Kecil ini, apa-apa sebutan mengenai sesuatu permukaan daripada kelas yang dinyatakan hendaklah ditafsirkan sebagai suatu kehendak supaya bahan yang daripadanya dinding, siling atau tampang bawah itu dibina, hendaklah mematuhi kehendak-kehendak berikut:

Kelas O. Permukaan yang tiada kemerebakan api.

- (a) Apa-apa sebutan mengenai sesuatu permukaan daripada Kelas O hendaklah ditafsirkan sebagai suatu kehendak supaya—
- (i) bahan yang daripadanya dinding atau siling itu dibina hendaklah tidak boleh terbakar seluruhnya; atau
  - (ii) bahan permukaan itu, atau jika permukaan itu diikat seluruhnya pada suatu substrat, bahan permukaan itu bersama substrat tersebut, apabila diuji mengikut PB 476.

- (b) Apa-apa sebutan mengenai sesuatu permukaan daripada kelas yang lain daripada Kelas O hendaklah ditafsirkan sebagai suatu kehendak supaya bahan yang daripadanya dinding atau siling itu dibina hendaklah mematuhi kriteria ujian relevan mengenai kemerebakan api permukaan yang dinyatakan berhubung dengan kelas itu dalam fasal 7 PB 476.
- (c) Berhubungan dengan suatu kehendak supaya sesuatu permukaan hendaklah daripada kelas yang tidak rendah daripada kelas yang dinyatakan, Kelas O hendaklah dianggap sebagai kelas yang tertinggi sekali diikuti mengikut susunan menurun oleh Kelas 1, Kelas 2, Kelas 3 dan Kelas 4.”.

#### **Penggantian undang-undang kecil 207**

86. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 207 dengan undang-undang kecil yang berikut:

##### **“207. Pengecualian berhubung dengan siling**

Kemasan dinding dan siling dalam bentuk lapisan nipis tidak lebih daripada 1 milimeter tebal yang dipasang di atas substrat tak boleh terbakar tidak tertakluk kepada keperluan peruntukan kemerebakan api permukaan dengan syarat bahawa pengecualian ini hendaklah tidak terpakai kepada lobi penahan asap atau memadam kebakaran, dan tangga dan laluan kecemasan.”.

#### **Penggantian undang-undang kecil 211**

87. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 211 dengan undang-undang kecil yang berikut:

##### **“211. Bahan bumbung**

- (1) Permukaan atau bahan untuk menutup bumbung atau membina bumbung hendaklah mempunyai tahap kemerebakan api permukaan tidak kurang daripada kelas 1, melainkan untuk kumpulan maksud I dan III seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ini, dan di dalam bangunan yang dilindungi keseluruhannya dengan sistem pemercik automatik.

- 
- (2) K.P.B.P boleh membenarkan penggunaan bahan boleh terbakar untuk pembinaan bumbung bagi bangunan Kumpulan Maksud II, IV, V, dan VI seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ini, yang memenuhi keperluan berikut:
- (a) bangunan itu tidak melebihi empat tingkat;
  - (b) ruang bumbung di antara bumbung dan siling hendaklah menjadi sawar kaviti yang perlu mematuhi peruntukan yang berkaitan, dan bukaan pada sawar kaviti hendaklah dapat menghentikan kebakaran; dan
  - (c) jika sebelah bawah bumbung berfungsi sebagai siling bilik atau ruang, maka sebelah bawah bumbung itu hendaklah mematuhi peruntukan berkaitan dengan undang-undang kecil 204.
- (3) Pada pertemuan dinding pengasing atau dinding pangsa, pembinaan bumbung hendaklah mematuhi kehendak sebagaimana Pihak Berkuasa Bomba boleh tentukan.”.

### **Undang-undang kecil baru 211A**

88. Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 211 undang-undang kecil baru 211A yang berikut:

#### **“211A. Bahan untuk pembinaan**

- (1) Bahan-bahan yang digunakan untuk membina elemen bangunan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah Bahagian ini selain kehendak-kehendak pelaksanaan seperti ketahanan api dan had kemerebakan api.
- (2) Cat gelodar boleh digunakan untuk melindungi bahagian keluli berstruktur yang ada pada semua bangunan dengan syarat bahawa—
  - (a) cat itu hendaklah menjadi sistem proprietari yang telah diuji untuk mencapai prestasi ketahanan api seperti yang dikehendaki dalam PB 476; dan
  - (b) salutan cat gelodar ke atas keluli berstruktur dan penyenggaraan seterusnya hendaklah mematuhi PB 8202.

- 
- (3) Di dalam bangunan yang dilindungi dengan sistem pemercik otomatis, kaca tahan api boleh digunakan untuk pembinaan dinding ruang, lantai ruang, kawasan lobi penghenti asap, lobi memadam kebakaran, aci terlindung yang tidak mempunyai tangga kecemasan dan lif kecemasan, tertakluk kepada yang berikut:
- (a) dinding dan pintu hendaklah mempunyai ketahanan api yang perlu, termasuk penebatan, apabila tertakluk kepada ujian di bawah PB 476 bagi dinding dan PM 1073 bagi pintu; dan
  - (b) dinding dan pintu hendaklah mematuhi kehendak Kelas A bagi prestasi hentaman apabila tertakluk kepada ujian di bawah PB 6206 atau PA 2208.
- (4) Dinding, siling, penutup bumbung dan kemasam tidak boleh mengandungi apa-apa bahan plastik.
- (5) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “PA” ertinya edisi Piawaian Australia yang terakhir diterbitkan.”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 222**

89. Undang-undang kecil 222 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam proviso kepada perenggan (4) dengan memotong perkataan “:Bahagian 1:”

#### **Pindaan undang-undang kecil 223**

90. Undang-undang kecil 223 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perkataan “:Bahagian 1:”.

#### **Pindaan tajuk Bahagian VIII**

91. Bahagian VIII Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan tajuk “PENGGERA KEBAKARAN, PENGESAN API, PEMADAM API DAN AKSES MENENTANG KEBAKARAN” dengan tajuk “PENGESAN API, PENGGERA KEBAKARAN DAN PEMADAM API”.

#### **Penggantian undang-undang kecil 225**

92. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 225 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“225. Pengesanan, memberi amaran dan pemadaman api**

- (1) Tiap-tiap bangunan hendaklah dilengkapkan dengan cara-cara mengesan, memberi amaran dan memadam api mengikut kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil ini.
- (2) Tiap-tiap bangunan hendaklah dilengkapkan dengan sekurang-kurangnya satu pili bomba yang ditempatkan tidak lebih daripada 45 meter daripada tempat akses pasukan bomba, direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489. Dalam mana-mana hal, jarak di antara pili-pili air hendaklah tidak lebih daripada 90 meter, yang terdekat sekali.
- (3) Bergantung kepada saiz dan tempat bangunan itu dan persediaan akses bagi perkakas bomba, pili bomba tambahan hendaklah disediakan sebagaimana dikehendaki oleh K.P.B.P.”.

**Undang-undang kecil baru 226A**

93. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 226 undang-undang kecil yang berikut:

**“226A. Sistem gelung hos**

Sistem gelung hos hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489.”.

**Penggantian undang-undang kecil 227**

94. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 227 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“227. Pemadam api mudah alih**

Pemadam api mudah alih hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1539.”.

**Penggantian undang-undang kecil 228**

95. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 228 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“228. Sistem semburan**

Sistem semburan hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1910.”.

---

**Pindaan undang-undang kecil 229**

96. Undang-undang kecil 229 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “18.3 meter” kepada perkataan “18 meter”; dan
- (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “45.75 meter” kepada perkataan “45 meter”.

**Penggantian undang-undang kecil 230**

97. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 230 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“230. Sistem pancur kering**

- (1) Sistem pancur kering hendaklah disediakan dalam tiap-tiap bangunan yang mana tingkat paling atas yang diduduki adalah lebih daripada 18 meter tetapi kurang daripada 30 meter di atas paras akses perkakas bomba.
- (2) Sistem pancur kering hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489 supaya setiap bahagian lantai berada tidak lebih daripada 45 meter jauhnya dari injap pelantar.”.

**Penggantian undang-undang kecil 231**

98. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 231 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“231. Sistem pancur basah**

- (1) Sistem pancur basah hendaklah disediakan dalam tiap-tiap bangunan yang mana tingkat paling tinggi yang diduduki adalah lebih daripada 30 meter di atas paras akses perkakas bomba.
- (2) Sistem pancur basah hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489 supaya setiap bahagian lantai berada tidak lebih daripada 45 meter jauhnya dari injap pelantar.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 233**

99. Undang-undang kecil 223 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 234**

100. Undang-undang kecil 234 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Penggantian undang-undang kecil 235**

101. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 235 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“235. Sistem pemadaman tetap**

Sistem pemadaman tetap hendaklah sama ada sistem banjir seluruh atau sistem pelindung unit bergantung kepada jenis proses berbahaya dan pendudukan sebagaimana dikehendaki dan diluluskan oleh K.P.B.P.”

**Pindaan undang-undang kecil 236**

102. Undang-Undang Kecil 236 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Bomba” dengan perkataan “K.P.B.P”.

**Penggantian undang-undang kecil 237**

103. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 237 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“237. Sistem pengesan api dan penggera kebakaran**

Sistem pengesan api dan penggera kebakaran hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1745.”.

**Penggantian undang-undang kecil 238**

104. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 238 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“238. Pusat pemerintahan dan kawalan**

Dalam Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil ini, suatu pusat pemerintahan dan kawalan hendaklah disediakan dan ditempatkan di atas tingkat tertentu dan hendaklah mengandungi suatu panel untuk mengawasi siaraya, interkom bomba, semburan, pengesan aliran air, pengesan api dan sistem penggera dan dihubungkan terus melalui sistem pengawasan berkomputer yang disambung kepada balai bomba yang berkenaan dengan membipas papan suis.”.

---

**Pindaan undang-undang kecil 239**

105. Undang-undang kecil 239 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan “92.9 meter” dengan perkataan “100 meter”.

**Penggantian undang-undang kecil 240**

106. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 240 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“240. Suis pengasingan elektrik**

- (1) Tiap-tiap lantai atau zon sesuatu tingkat yang keluasan bersihnya, melebihi 1000 meter persegi hendaklah dilengkapi dengan suis pengasingan elektrik yang mematuhi IEC 60947-3 dan ditempatkan dalam kepungan tangga untuk membolehkan pemotongan bekalan kuasa elektrik ke tingkat atau zon berkenaan yang menggunakannya.
- (2) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “IEC” ertinya edisi Piawaian *International Electrotechnical Commission* yang terakhir diterbitkan.”.

**Penggantian undang-undang kecil 241**

107. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 241 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“241. Kehendak-kehendak khas bagi sistem penggera kebakaran**

Di tempat-tempat di mana terdapat orang pekak dan di tempat-tempat di mana sistem penggera dengar tidak sesuai oleh kerana jenis pendudukannya, sistem penggera kebakaran khas hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1745.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 242**

108. Undang-undang kecil 242 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pemotongan undang-undang kecil 243**

109. Undang-undang kecil 243 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Undang-undang kecil baru 243A**

110. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 243 undang-undang kecil yang berikut:

**“243A. Cara gerakan kecemasan jika berlaku kerosakan kuasa sesalur.**

- (1) Apabila berlaku kerosakan pada kuasa sesalur, semua lif hendaklah kembali terus mengikut rentetannya ke lantai tentuan, bermula dengan lif bomba, tanpa menyahut apa-apa panggilan kereta atau pelantar dan berhenti dengan pintu terbuka.
- (2) Selepas semua lif berhenti, lif yang menggunakan kuasa kecemasan hendaklah menyambung semula perjalanan biasa:

Dengan syarat bahawa jika kuasa kecemasan yang mencukupi boleh didapati untuk perjalanan semua lif, cara gerakan ini tidak perlu dipakai.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 244**

111. Undang-undang kecil 244 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Penggantian undang-undang kecil 245**

112. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 245 undang-undang kecil yang berikut:

**“245. Kelulusan K.P.B.P**

- (1) Apa-apa pembinaan, pembangunan atau pemasangan peralatan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran selain daripada yang menepati kehendak-kehendak yang diperuntukkan dalam Bahagian VII dan VIII Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada dan diluluskan oleh K.P.B.P. sebelum memulakan kerja.
- (2) Pelan, lukisan dan kiraan bagi semua pemasangan menentang kebakaran hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Bomba mengikut cara yang ditetapkan oleh K.P.B.P sebelum memulakan kerja.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 246**

113. Undang-undang kecil 246 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

---

**Pemotongan undang-undang kecil 247**

114. Undang-undang kecil 247 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Pindaan undang-undang kecil 248**

115. Undang-undang kecil 248 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dicat merah” kepada perkataan “dikenal pasti dengan warna merah”; dan

(b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Bomba” kepada perkataan “K.P.B.P.”.

**Penggantian undang-undang kecil 251**

116. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 251 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“251. Liang asap untuk mencegah pengumpulan asap yang membahayakan**

Di mana dinyatakan keperluan mengadakan sistem kawalan asap, ianya hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1780.”.

**Pemotongan undang-undang kecil 252**

117. Undang-undang kecil 252 Undang-Undang Kecil ibu dipotong.

**Undang-undang kecil baru 252A**

118. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 252 undang-undang kecil yang berikut:

**“252A. Atrium dalam bangunan.**

Suatu atrium boleh dibenarkan dalam sesuatu bangunan dengan syarat bahawa—

(a) dimensi secara mendatar adalah tidak kurang daripada 6 meter dan keluasan bukaan adalah tidak kurang daripada 95 meter persegi;

- (b) tempat keluar adalah dikepungi secara berasingan dari atrium walaupun akses keluar boleh berada di dalam atrium;
- (c) atrium adalah terbuka dan tidak terhalang;
- (d) bangunan adalah dilindungi secara penuhnya dengan semburan automatik;
- (e) semburan boleh ditinggalkan bagi siling atrium jika ia tidak lebih daripada 17 meter di atas lantai;
- (f) suatu kawalan asap atau sistem salur penyedut asap bagi atrium dan ruang-ruang bersebelahan disediakan sebagaimana Jadual 1 di bawah atau piawaian-piawaian lain yang diluluskan;
- (g) kawalan asap atau sistem salur penyedut asap hendaklah diaktifkan dengan—
  - (i) pengesan asap yang terletak di atas atrium dan bersebelahan dengan tiap-tiap pengambilan udara kembali dari atrium;
  - (ii) sistem semburan automatik;
  - (iii) sistem pengesan automatik (tetapi bukan sistem pecah kaca yang beroperasi secara manual); dan
  - (iv) kawalan-kalawan manual yang tersedia didapati oleh Pihak Berkuasa Bomba; dan
- (h) atrium diasingkan daripada ruang-ruang yang bersebelahan dengan penghalang api yang bersifat satu jam ketahanan api kecuali bahawa—
  - (i) mana-mana tiga paras bangunan boleh terbuka secara terus kepada atrium tanpa kepungan; dan
  - (ii) dinding kaca boleh digunakan sebagai ganti kepada penghalang api di mana semburan automatik diruankan 1.8 meter atau kurang berjauhan sepanjang kedua-dua belah dinding kaca, tidak lebih daripada 0.3 meter dari kaca supaya permukaan kaca adalah basah apabila semburan berfungsi. Kaca itu hendaklah merupakan kaca apungan dipasang dengan suatu sistem gasket yang membenarkan bingkai untuk memesong tanpa kaca itu sebelum semburan berfungsi.

Jadual 1: SISTEM PENYEDUT ASAP ATRIUM

Ketinggian Atrium dalam M	Isipadu Atrium M padu	Sistem Penyedut Asap (mana-mana yang lebih besar)		Bekalan Udara (Paras yang Terendah)
		M padu/ Saat atau	Perubahan udara/ Jam	
17 atau kurang	17,000 atau kurang	19	6	Graviti – aliran semula jadi kerana perbezaan dalam ketumpatan. 75% daripada Penyedut
17 atau kurang	17,000 atau kurang	19	4	Graviti 17% daripada Penyedut
17 atau lebih	–	–	4	Mekanikal 75% daripada Penyedut

### Pindaan undang-undang kecil 253

119. Undang-Undang Kecil 253 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “didapati dalam tempoh 10 saat daripada” dengan perkataan “ditukar kepada dalam tempoh 60 saat dengan serta-merta selepas”.

### Undang-undang kecil baru 253A

120. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 253 undang-undang kecil yang berikut:

#### “253A. Pencahayaan kecemasan

Pencahayaan kecemasan yang mencukupi hendaklah disediakan bagi tujuan menerangi pelepasan diri. Unit pencahayaan ini hendaklah mematuhi PM 619 jenis berkuasa sendiri atau dibekalkan kuasa dari janakuasa atau bank bateri pusat. Dalam keadaan di mana bekalan kuasa terputus tempoh pencahayaan kecemasan bagi menerangi pelepasan ini hendaklah tidak boleh kurang daripada satu jam.”.

**Pindaan undang-undang kecil 256**

121. Undang-undang kecil 256 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “undang-undang kecil” perkataan “134 dan”.

**Penggantian undang-undang kecil 257**

122. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 257 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“257. Pemakaian piawaian atau tata amalan**

Jika ada apa-apa piawaian atau tata amalan disebut di dalam Undang-Undang Kecil ini, dan terdapat kemudiannya diterbitkan suatu Piawaian Malaysia yang bersamaan atau apa-apa piawaian atau tata amalan yang bersamaan yang boleh diterima oleh pihak berkuasa tempatan atau K.P.B.P. mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan hal perkara yang sama, Piawaian Malaysia atau piawaian atau tata amalan yang bersamaan itu hendaklah disifatkan sebagai mengatasi piawaian atau tata amalan yang tersebut itu dan hendaklah dipatuhi.”.

**Penggantian undang-undang kecil 258**

123. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 258 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**“258. Kemungkiran kepada bangunan**

- (1) Jika berlaku apa-apa kemungkiran kepada mana-mana bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan, sama ada semasa pendirian atau selepas disiapkan, orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang—
  - (a) mengemukakan pelan, lukisan atau kiraan bagi bangunan itu;
  - (b) mengawasi pemancangan tanda bangunan itu;
  - (c) memperakui bahawa pemancangan tanda itu telah dijalankan mengikut pelan tapak yang diluluskan;
  - (d) mengawasi pendirian bangunan itu;
  - (e) memperakui bahawa pengawasan wajar bangunan itu telah dijalankan,

---

hendaklah dalam tempoh satu minggu selepas kejadian kemungkiran itu apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan yang dalam bidang kuasanya bangunan itu terletak—

- (i) melaporkan kemungkiran itu;
  - (ii) menerangkan sebab kemungkiran itu; dan
  - (iii) jika kemungkiran itu berlaku semasa pembinaan bangunan tersebut, menyatakan tindakan pemulihan yang telah diambil.
- (2) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan itu hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat selanjutnya mengikut apa-apa cara dan dalam sesuatu tempoh sebagaimana dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan.
- (3) Jika pihak berkuasa tempatan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kemungkiran kepada mana-mana bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan telah berlaku dan kemungkiran itu telah tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa tempatan tersebut, ia hendaklah menyampaikan suatu notis kepada orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang-

- (a) mengemukakan pelan, lukisan atau kiraan bagi bangunan itu;
- (b) mengawasi pemancangan tanda bangunan itu;
- (c) memperakui bahawa pemancangan tanda itu telah dijalankan mengikut pelan tapak yang diluluskan;
- (d) mengawasi pendirian bangunan itu;
- (e) memperakui bahawa pengawasan wajar bangunan itu telah dijalankan,

menghendaki dalam tempoh satu minggu daripada penyampaian notis itu—

- (i) menyatakan sama ada kemungkiran itu berlaku;
- (ii) menerangkan mengapa dia gagal melaporkan kemungkiran itu;

- (iii) jika kemungkiran itu berlaku semasa pembinaan bangunan itu, menyatakan tindakan pemulihan yang telah diambil.
- (4) Mana-mana orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang gagal mematuhi perenggan (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan.
- (5) Walaupun apa-apa pelan, lukisan atau kiraan telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, tanggungjawab bagi kemungkiran kepada mana-mana bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan hendaklah *prima facie* terletak atas orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang mengemukakan pelan, lukisan atau kiraan itu.
- (6) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan mengikut mana-mana yang berkenaan seperti disebut di bawah perenggan (1)(a) undang-undang kecil 2F atau perenggan (1)(a) undang-undang kecil 7 hendaklah tertakluk kepada peruntukan yang sama seperti yang dinyatakan di bawah undang-undang kecil ini.”.

### Pindaan Jadual Pertama

124. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan berikut:

#### “Bangunan baru

1. Fi bagi menimbangkan pelan-pelan yang dikemukakan untuk diluluskan berkenaan dengan bangunan baru hendaklah dikira seperti berikut:

Tingkat Bawah	...	RM14.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM140.00.
Tingkat Pertama	...	RM12.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM120.00.
Tingkat Kedua	...	RM10.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM 100.00.
Tingkat Ketiga	...	RM8.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau sebahagian tertakluk kepada minimum sebanyak RM80.00

- 
- Tingkat Keempat ... RM6.00 bagi tiap-tiap 9 meter persegi atau dan tingkat atasnya atau tingkat bawah tanah (selain daripada tingkat bawah tanah terbuka) sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM60.00.
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “paragraf” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “perenggan”;
- (c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “subparagraf” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “subperenggan”;
- (d) dengan menggantikan subperenggan 6(4) dengan subperenggan berikut:
- “4) Jika perubahan-perubahan kepada sesuatu bangunan yang sedia ada melibatkan suatu perubahan kepada garisan hadapan atau pelan tegak kepada sesuatu jalan (di mana pelan tegak itu bersempadanan dengan suatu jalan) fi yang berikut hendaklah dibayar apabila mengemukakan pelan-pelan bagi perubahan itu sebagai tambahan kepada fi yang kena dibayar di bawah subperenggan (1), (2) dan (3) perenggan ini:
- (a) perubahan kepada ... RM36.00 bagi satu tingkat garisan hadapan
- (b) perubahan-perubahan ... RM36.00 bagi satu tingkat kepada pelan tegak jalan
- (e) dalam subperenggan 6(5), dengan menggantikan perkataan “RM25.00” dengan perkataan “RM50.00”;
- (f) dalam perenggan 7, dengan menggantikan perkataan “RM25.00” dengan perkataan “RM50.00”;
- (g) dalam perenggan 8, dengan menggantikan perkataan “RM3.00” dengan perkataan “RM6.00”;
- (h) dalam perenggan 10, dengan menggantikan perkataan “RM60.00” dengan perkataan “RM120.00”;

- (i) dalam perenggan II, dengan menggantikan subperenggan (3) dan (4) dengan subperenggan-subperenggan yang berikut:

“(3) Fi yang kena dibayar adalah seperti berikut:

- |   |               |                       |
|---|---------------|-----------------------|
| (i) bagi memeriksa pelan yang<br>diluluskan | ... RM 100.00 | bagi satu set pelan   |
| (ii) bagi menyalin pelan yang<br>diluluskan | ... RM 200.00 | bagi satu set pelan”; |

“(4) Fi bagi suatu pengendorsan oleh pihak berkuasa tempatan untuk memperakui mana-mana salinan sebagai suatu salinan benar suatu pelan yang diluluskan RM 100.00 bagi satu salinan.”.

- (j) dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

**“12. Permit bagi kerja-kerja kecil sebagai ganti pelan**

Fi bagi permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 18 adalah kena dibayar seperti berikut:

Bagi pembinaan, perubahan dan tambahan kecil di bawah perenggan (1) dan bagi pembinaan sesuatu pagar di bawah perenggan (2)	... RM 100.00	bagi satu permit
---	---------------	------------------

- (k) dengan menggantikan perenggan 13 dengan perenggan yang berikut:

**“13. Permit sementara**

Fi yang berikut adalah kena dibayar bagi permit sementara yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 19:

- |  |              |   |
|--|--------------|---|
| (a) bangsal untuk pertunjukan  | ... RM100.00 | sehari  |
| (b) tempat sembahyang  | ... RM 40.00 | sehari  |
| (c) mendepositkan bahan-<br>bahan Bangunan atas jalan<br>dengan kebenaran pihak<br>berkuasa tempatan | ... RM 36.00 | bagi satu meter persegi bagi sebulan atau sebahagiannya |

---

(d) bangsal kerja bagi Pembina, stor atau bangsal lain berhubungan dengan bangunan baru	...	RM200.00 bagi satu bangsal bagi 6 bulan atau sebahagiannya
(e) perancah yang didirikan atas jalan	...	RM10.00 bagi satu tiang perancah bagi sebulan atau sebahagiannya
(f) pelantar kerja, kerja berangka, platform atau struktur sementara daripada apa-apa jenis yang didirikan atas bumbung bersempadan suatu jalan	...	RM100.00 sebulan atau sebahagiannya
(g) papan dendeng atas jalan atau lorong jalan kaki berhubungan dengan kerja-kerja bangunan	...	RM 6.00 bagi satu meter panjang jalan atau lorong jalan kaki bagi sebulan atau sebahagiannya
(h) mana-mana bangunan yang baginya suatu permit sementara telah dikeluarkan di bawah perenggan (2)	...	RM 10.00 bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM100.00 bagi satu permit yang boleh diperbaharui pada 1 Januari setiap tahun

(l) perenggan 14 dipotong; dan

(m) dalam perenggan 16, dengan menggantikan perkataan “RM50.00” dengan perkataan “RM100.00”.

### **Pindaan Jadual Kedua**

125. Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

